

"DAN sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan (kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu). Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 155.



AMALKAN PIAWAIAIAN TERTINGGI DALAM KESELAMATAN, PRESTASI, AKAUNTABILITI

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-415 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-193 bagi Suku Kedua Tahun 2025. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.



Ke-415 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-193 bagi Suku Kedua Tahun 2025.

Mesyuarat tersebut berlangsung di bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

>> Muka 3

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pagi tadi berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP)

PSI sumber pemakanan unik, sempurna untuk anak damit

Siaran Akhbar :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Julai. - Minggu Penyusuan Susu Ibu (PSI) Sedunia diraikan setiap tahun pada 1 hingga 7 Ogos dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai manfaat PSI dan untuk mempromosi persekitaran yang menyokong dan mengekalkan amalan PSI.

Tema sambutan pada tahun ini ialah 'Utamakan PSI : Membangun Sistem Sokongan Yang Mampan 2 (Prioritise Breastfeeding: Create Sustainable Support Systems)'.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan Minggu PSI 2025.

>> Muka 5

Membekalkan ilmu kemahiran melalui latihan, bimbingan teknikal, vokasional

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Julai. - Dalam memperkasa asnaf fakir miskin melalui pembekalan ilmu pengetahuan dan kemahiran khususnya

dalam bidang keusahawanan dan bimbingan perniagaan, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) telah menubuhkan sebuah Pusat Kemahiran Asnaf.

>> Muka 4

Pameran ketengahkan 3 dekad pertubuhan, inovasi TAIB

Oleh : Aimi Sani

GADONG, Jumaat, 1 Ogos. - Pameran Kumpulan TAIB mempamerkan penawaran kolektif daripada Kumpulan Syarikat Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) selama tiga hari bermula 1 Ogos hingga 3 Ogos 2025 bertempat di Atrium The Mall, Gadong mencerminkan lebih 30 tahun pertubuhan dan inovasi.

Sehubungan itu, Pameran Kumpulan TAIB telah dilancarkan hari ini secara rasmi oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka

Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dalam kapasiti beliau sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Turut menghadiri majlis tersebut, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya serta Jawatankuasa Penasihat Syariah Perbadanan TAIB dan Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd.

Pameran Kumpulan TAIB menampilkan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya iaitu Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd., Darussalam Holdings Sdn. Bhd. dan TAIB Filling Station Sdn. Bhd.

>> Muka 5

Berita Utama



PUSAT Ehsan terima sumbangan derma

Muka 7



MANGSA bencana terima bantuan kewangan kerajaan

Muka 10



BENGKEL tingkatkan penghayatan, kefahaman Surah Al-Fatihah

Muka 19



MPK Sungai Bunga pacu pembangunan komuniti menerusi inisiatif Keropok Udang

Muka 27



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengerusi Jerudong Park Medical Centre semasa berucap pada Majlis Pelancaran Minggu Kesejahteraan Pekerja tahunannya dengan tema 'Keselamatan Bermula Dengan Kita', yang diadakan di Pusat Pakar Pantai Jerudong pada Isnin, 28 Julai 2025.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Ak. Jefferi Pg. Durahman

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Ala
Asyarafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee
Ajma'een,
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
dan Selamat Pagi

Organisasi yang selamat bina budaya keihsanan, penjagaan yang mampan

ALHAMDULILLAH. Awda berpeluang untuk berada di sini, terutama sekali semasa Minggu Kesejahteraan Pekerja. Kini, dalam tahun ketiga, acara perdana ini telah menjadi panduan - membantu kita mengingati siapa diri kita, dan bagaimana kita menjaga mereka yang menjaga yang lain.

Tema tahun ini, 'Keselamatan Bermula Dengan Kita', mengingatkan kita bahawa keselamatan bermula dengan manusia. Ia adalah jaminan bahawa di sini, awda selamat bukan sahaja untuk bekerja tetapi untuk menjadi manusia.

Dalam jangka yang lama, kami memberi tumpuan kepada keselamatan dalam jumlah - laporan insiden, hampir tersasar, kadar pematuhan dan papan pemuka risiko. Ini penting dan mereka mesti teruskan. Tetapi mereka hanyalah satu sisi cerita. Kerana keselamatan sebenar hidup dalam budaya kita. Bagaimana kita saling memperlakukan satu sama lain, bagaimana kita mewujudkan ruang untuk bercakap, bagaimana kita membolehkan orang untuk memimpin dan pandangan orang kepada kita - inilah asas-asas sebenar budaya yang selamat.

Daripada Kajian Kesejahteraan Pekerja kami baru-baru ini dengan lebih 1,100 respons, kami dapat melihat dengan jelas dan jujur di mana kami berada.

Berita baik adalah : 93 peratus daripada awda berkata bahawa mereka mencari tujuan dalam kerja mereka. Ini menjelaskan tentang dedikasi dan diri mereka yang hidup dalam organisasi ini. Tetapi di samping itu, kami mendengar beberapa realiti - 81 peratus

merasakan tekanan daripada kenaikan kos.

60 peratus mengatakan mereka tidak berasa cukup selamat untuk menyuarkan kebimbangan mereka. Dan lebih separuh daripada mereka tidak pasti kepada siapa hendak dituju apabila mereka sedang bergelut, atau bimbang bahawa walaupun mereka berbuat demikian, tiada siapa yang benar-benar akan mendengar. Perangkaan ini tidak hanya berdasarkan statistik. Ini adalah isyarat. Kita mahu menggunakannya sebagai pelan induk untuk melihat apa yang perlu dilakukan seterusnya.

Tahun ini, kita mahu meningkatkan lagi kepercayaan kita. Kerana organisasi yang benar-benar selamat tidak hanya melindungi orang - ia membantu mereka berkembang maju. Itulah yang dimaksudkan untuk membina budaya keihsanan dan penjagaan yang mampan.

Satu isyarat yang kita tidak boleh abaikan adalah berapa ramai di antara kalian yang tidak memberi kebenaran diri sendiri untuk berehat. Sehingga akhir tahun 2024, lebih daripada 75 peratus kakitangan Jerudong Park Medical Centre tidak menggunakan cuti tahunan mereka sepenuhnya. Banyak yang membawa kepada keseimbangan baki cuti yang ketara, dan beban keletihan.

Itulah sebabnya tahun ini, saya bangga untuk memperkenalkan Time4Me, cuti khas selama seminggu bagi menggalakkan kakitangan mengambil masa untuk berehat.

Dan kami tidak melakukan ini hanya kerana merasakan bahawa bukti adalah jelas. Satu kajian oleh Ernst & Young menunjukkan bahawa bagi setiap 10 jam

tambahan percutian yang diambil, prestasi akhir tahun meningkat sebanyak 8 peratus. Pekerja yang menggunakan cuti mereka lebih cenderung untuk dinaikkan pangkat, lebih cenderung untuk tinggal dan lebih cenderung untuk merasa dipenuhi.

Kami juga meluaskan cara kami membantu orang-orang kita dari segi emosi dan sosial. Mulai tahun ini, anggota pasukan yang terpilih akan dilatih dan akan diiktiraf sebagai Psychological First Aiders jadi sokongan tersebut tidak hanya tinggal di Sumber Manusia tetapi wujud di mana ia amat diperlukan : Dalam pasukan.

Dan kerana 67 peratus daripada awda telah memberitahu kami bahawa awda bimbang tentang kesihatan fizikal awda, kami akan meluaskan faedah perubatan kakitangan kami untuk merangkumi penjagaan estetik dan akses kepada perunding pelawat dari rumah. Kesejahteraan bukan satu dimensi. Ia adalah bagaimana kita merasa, bagaimana kita melihat diri kita sendiri dan bagaimana kita dijaga dengan prestasi yang sama kita hulurkan kepada pesakit-pesakit kita.

Tetapi tiada satu pun perkara ini tanpa kepimpinan. Keselamatan hari ini memerlukan lebih daripada protokol - ia mesti menjadi strategi kepimpinan teras. Apabila pemimpin mengutamakan keselamatan, mereka membina kepercayaan, mencipta kekitaan, dan memberi inspirasi kepada keyakinan.

>> Muka 4

WAKTU SEMBAHYANG										
OGOS MASHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2	SABTU	8	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.48	6.36	7.49
3	AHAD	9	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.48	6.36	7.49
4	ISNIN	10	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.47	6.36	7.49
5	SELASA	11	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.47	6.36	7.48
6	RABU	12	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.46	6.36	7.48
7	KHAMIS	13	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.46	6.35	7.48
8	JUMAAT	14	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.45	6.35	7.47

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C	33 25 °C	32 24 °C	
Pekan Bangar			
34 24 °C	33 23 °C	32 23 °C	
Pekan Tutong			
33 25 °C	33 24 °C	32 24 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	33 25 °C	32 24 °C	

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 2 OGOS 2025

Wujudkan persekitaran yang mesra untuk para ibu mengamalkan PSI

PENYUSUAN Susu Ibu (PSI) adalah asas penting untuk kesihatan ibu dan anak damit. Susu ibu adalah sumber pemakanan yang unik dan sempurna kerana ia mengandungi semua nutrisi yang diperlukan untuk pertumbuhan dan perkembangan anak damit secara optimum. Selain itu, susu ibu turut mengandungi antibodi yang berperanan melindungi anak damit daripada pelbagai jangkitan penyakit termasuk jangkitan paru-paru dan telinga, mengurangkan masalah cirit-birit dan juga mengelakkan karies gigi.

Pemberian PSI juga mempunyai manfaat kesihatan yang berpanjangan untuk ibu dan anak damit termasuk mengurangkan risiko untuk menghidap penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis, penyakit jantung, beberapa jenis kanser dan juga boleh mencegah masalah obesiti sehingga dewasa.

Namun begitu, di Negara Brunei Darussalam (NBD), hasil pengumpulan data rutin bagi tahun 2024 menunjukkan bahawa kadar PSI secara eksklusif adalah 37 peratus yang mana ini jauh daripada sasaran yang ditetapkan oleh WHO iaitu sekurang-kurangnya 50 peratus. Angka ini menunjukkan penurunan berbanding tahun-tahun sebelumnya, di mana kadar tertinggi pernah direkodkan adalah sekitar 47 peratus pada tahun 2019.

Perkara tersebut ditekankan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan Minggu PSI 2025.

Menurut Yang Berhormat, penurunan kadar ini adalah membimbangkan kerana amalan PSI telah pun dikenal pasti oleh WHO dan juga Kementerian Kesihatan sebagai salah satu intervensi utama dalam usaha untuk mencegah serta menangani masalah obesiti di negara ini, di mana NBD didapati mempunyai kadar obesiti tertinggi di Asia Tenggara.

Jelas Yang Berhormat, amalan PSI bukanlah sesuatu yang mudah jelas yang mana hasil dari kaji selidik yang dijalankan pada tahun ini menunjukkan bahawa para ibu di NBD menghadapi pelbagai cabaran untuk mengamalkan PSI dengan baik.

Bagi memastikan amalan PSI dapat dilaksanakan dengan baik serta menjamin penghasilan bekalan susu yang mencukupi untuk keperluan anak damit, para ibu memerlukan sokongan padu daripada suami, ahli keluarga dan seluruh masyarakat, terutamanya dalam persekitaran tempat kerja melalui sokongan dari rakan kerja dan penyediaan kemudahan untuk PSI yang bersesuaian seperti bilik khas, peti sejuk dan sebagainya.

Marilah kita sama-sama mewujudkan persekitaran yang mesra agar para ibu boleh mengamalkan PSI dengan selesa dan penuh dedikasi ke arah menjadikan NBD sebuah negara yang membudayakan amalan PSI sebagai satu amalan yang digalakkan, disokong, dilindungi dan dihargai oleh setiap lapisan masyarakat. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Amalkan piawaian tertinggi dalam keselamatan, prestasi, akauntabiliti

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Mohammad Hasif Matzin



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM selaku Ahli-ahli Lembaga Pengarah BSP dan BSM (kiri), manakala gambar kanan, baginda berkenan menerima junjung ziarah.

>> Muka 1

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, selaku Ahli-ahli Lembaga Pengarah BSP dan BSM.

Pada mesyuarat berkenan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan

mengurniakan titah.

Baginda menekankan kepentingan mengamalkan piawaian tertinggi dalam keselamatan, prestasi dan akauntabiliti pada kesemua Syarikat-syarikat Brunei Shell Joint Ventures (BSJV) dan Brunei Gas Carriers (BGC).

Baginda juga menyeru pelaksanaan yang lebih baik, budaya keselamatan psikologi,

dan kewaspadaan berterusan demi ketahanan dan impak jangka panjang, di samping turut mengiktiraf kemajuan dalam kecekapan kos dan menggalakkan tumpuan berterusan terhadap disiplin kos, pembangunan kepimpinan, dan kesedaran risiko.

Mesyuarat juga membincangkan isu-isu penting seperti prestasi operasi, keselamatan, kewangan dan pembangunan tenaga manusia bagi BSP dan BSM.

Terdahulu atur cara dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin

bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Mesyuarat dihadiri oleh pihak-pihak berkepentingan termasuk Shareholder Directors yang mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; Shell plc serta ahli-ahli kepimpinan daripada BSP dan BSM.

Mesyuarat tersebut seterusnya diikuti oleh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, menandakan berakhirnya sesi Mesyuarat - mesyuarat Lembaga Pengarah - Pengarah Syarikat-syarikat BSJV bagi Suku Kedua Tahun 2025.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-415 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-193 bagi Suku Kedua Tahun 2025 (atas), manakala gambar bawah kiri, baginda berkenan menerima junjung ziarah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan pihak-pihak berkepentingan termasuk Shareholder Directors yang mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia; Shell plc serta ahli-ahli kepimpinan daripada BSP dan BSM menadah tangan ketika doa dibacakan (atas, kiri dan bawah).



MEMBEKALKAN ILMU KEMAHIRAN MELALUI LATIHAN, BIMBINGAN TEKNIKAL, VOKASIONAL

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foro : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar

>> Muka 1

Hadir bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Pusat Kemahiran Asnaf yang berlangsung di Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) di Jalan Dewan Majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Saifullah bin Haji Rosli.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, KHEU, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Damit dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan bahawa program berkenaan berorientasikan pelaburan dalam jangka masa panjang dengan membekalkan ilmu kemahiran melalui latihan, bimbingan teknikal dan vokasional kepada asnaf fakir miskin.

Program pertama tambahannya, mula dilaksanakan pada 2007 dengan kerjasama Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

"Selama 18 tahun, dalam

tempoh tersebut sebanyak tiga program latihan kemahiran dalam negara dilaksanakan, iaitu program dengan kerjasama PPB, Program Perantis yang dijalankan pada 2012 dan Program rintis Az-Zira'ah pada 2018.

"Pada tahun yang sama, satu program di luar negara telah dikendalikan dengan menghantar enam asnaf untuk mengikuti latihan kemahiran di Institut Kemahiran Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan pada tahun yang sama juga Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) juga menyelaras pencalonan asnaf untuk diserap mengikuti program BIBD SEED anjuran Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD)," katanya lagi.

Pengiran Dr. Haji Amiruddin seterusnya menyatakan bahawa program baharu yang dinamakan Program Kemahiran Keusahawanan Asnaf Zakat berkenaan akan mengusahakan seramai 14 pelatih dalam kalangan penerima asnaf zakat yang akan dijalankan selama enam bulan dengan biaya peruntukan daripada kumpulan wang zakat asnaf fakir miskin sebanyak BND138,340.

Peruntukan ini jelasnya merangkumi keperluan menjalani latihan, antaranya pemberian elaun latihan, keperluan asas pelatih, kelengkapan latihan

personel untuk pelatih dan pembimbing latihan.

Majlis diteruskan dengan Sesi Menandatangani Dokumen Pengakuan Menerima Agihan Wang Zakat bagi mengikuti Program Kemahiran Keusahawanan oleh para pelatih program yang terdiri daripada penerima aktif daripada agihan zakat asnaf fakir miskin yang berdaftar di JUZWAB.

Antara objektif penubuhan Pusat Kemahiran Asnaf berkenaan adalah untuk membimbing golongan asnaf yang bergantung kepada agihan zakat agar dapat keluar daripada kepompong kemiskinan, seterusnya berupaya menjadi seorang *muzakki* (pembayar zakat) pada masa akan datang.

Selain itu, penubuhan pusat berkenaan juga bertujuan untuk melahirkan modal insan yang kamil (holistik), berkemahiran tinggi, berjiwa keusahawanan, memiliki kerjaya serta berpendapatan.

Inisiatif dan matlamat berkenaan turut didukung melalui kolaborasi bersama BIBD selaku rakan kerjasama strategik yang memberikan sokongan dan komitmen tinggi dalam menerajui dan merealisasikan penubuhan Pusat Kemahiran Asnaf berkenaan serta dalam pelaksanaan Program Kemahiran Keusahawanan.

Program Kemahiran Keusahawanan bagi Kohort 1 Tahun 2025 disertai oleh 15 pelatih daripada golongan asnaf yang memfokuskan pembangunan kemahiran keusahawanan mereka dalam bidang kulinari dan konfeksionari. Program berkenaan dikendalikan bersama PROPAZ, JUZWAB dengan sokongan dari BIBD.

Modul latihan berkenaan diadakan menerusi tiga fasa latihan dan pembelajaran, iaitu Fasa Latihan Teori dan Praktikal (Work-Based Training), Fasa Praktikal dan Mentorship Pemasaran dan Urus Niaga di Pusat Kemahiran Asnaf sebagai Marketplace dan Fasa Terakhir, iaitu Evaluasi dan Pemantauan.

Di akhir program nanti, para pelatih yang dikenal pasti berkelayakan dan berpotensi untuk menjadi usahawan akan berpeluang memohon serta dipertimbangkan bagi Skim Agihan Bantuan Modul Berusaha yang menggunakan peruntukan wang zakat, tertakluk kepada terma-terma serta kelulusan Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat.

Turut hadir, Mufti Kerajaan,



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam hadir bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Pusat Kemahiran Asnaf dan seterusnya membuat lawatan ke pusat berkenaan (atas dan bawah).



Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam; Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin; serta Ahli-ahli Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat Majlis Ugama Islam, Pengarah Urusan BIBD, Ahli-ahli Badan Penasihat Syariah BIBD,

dan pegawai-pegawai kanan dari KHEU dan BIBD.

Sejak penubuhan PROPAZ pada 2007, seramai 433 peserta telah mengikuti program-program yang diungkuhkan oleh bahagian berkenaan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak BND1,085,991.20 daripada peruntukan Kumpulan wang Agihan Zakat.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 252 peserta telah berjaya diupayakan dan tidak lagi tersenarai sebagai penerima agihan zakat.



SESI Menandatangani Dokumen Pengakuan Menerima Agihan Wang Zakat bagi mengikuti Program Kemahiran Keusahawanan.

HALUAN

>> Muka 2

Jadi, saya mencabar setiap pemimpin di sini untuk mencerminkan :

Adakah awda *role-modelling* penjagaan?

Adakah awda mewujudkan ruang untuk perbualan jujur? - Terutamanya apabila perkara yang salah. Kerana apabila keselamatan menjadi sebahagian daripada cara kita memimpin, ia menjadi asas bagi segala-galanya : Penglibatan, inovasi dan prestasi.

Dan dengan itu, kita juga harus merangka semula bagaimana kita berfikir tentang kesilapan. Kerana budaya yang benar-benar selamat bukanlah di mana kegagalan dikhuatiri - ia adalah di mana orang ramai cukup selamat untuk mencuba. Untuk bertanya bukan sekadar 'apa yang mungkin salah?' Tetapi juga 'apa yang mungkin kita pelajari?' Dan 'apa yang kita peroleh?' Inovasi memerlukan risiko dan risiko menuntut kepercayaan. Jika kita mahu keberanian dalam diri orang-orang kita, kita mesti membina keselamatan ke dalam budaya.

Keselamatan bukan satu kempen. Ia bermula dengan cara kita melayan antara satu sama lain. Ia bermula dengan model kami. Dan jika kita berjaya melakukan dengan betul, ianya bukan hanya sekadar bermula dari diri kita. Ia akan kekal bersama kita.

PEMANGKU Pengarah Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, KHEU, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Damit dalam ucapan alu-aluannya.

PAMERAN KETENGAHKAN 3 DEKAD PERTUBUHAN, INOVASI TAIB

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Ariffin Mohd.
Noor / Morshidi

>> Muka 1

Kumpulan Syarikat TAIB menyediakan penawaran terkini mereka dalam kewangan patuh syariah, takaful dan perkhidmatan pelancongan. Acara ini mencerminkan misi berterusan kumpulan berkenaan untuk menyediakan penyelesaian patuh syariah yang inklusif bagi menyokong kesejahteraan kewangan, kesiapsiagaan kesihatan dan pembangunan negara jangka panjang.

Sepanjang acara ini, Perbadanan TAIB akan mengetengahkan Kempen Pembiayaan Gemilang dan NextStep, yang direka untuk menyokong matlamat kewangan utama seperti pendidikan, pemilikan rumah, keperluan perniagaan dan pembangunan diri.

Dengan kadar kompetitif dan terma yang fleksibel, pilihan pembiayaan ini menyediakan penyelesaian praktikal untuk individu dan keluarga dalam merancang langkah seterusnya ke arah merealisasikan aspirasi hidup mereka.

Perbadanan TAIB juga akan mempamerkan rangkaian Penyelesaian Pembayaran Digital, yang menawarkan cara yang mudah dan selamat untuk mengurus kewangan di mana sahaja.

Turut dipamerkan ialah akaun Retirement Saver yang telah memenangi pelbagai anugerah antarabangsa, menawarkan penyelesaian perancangan kewangan persaraan yang fleksibel sepenuhnya, mudah diakses dan boleh disesuaikan untuk semua peringkat pendapatan dengan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) semasa sesi bergambar ramai pada Pameran Kumpulan TAIB di Atrium The Mall, Gadong.

pulangan paling kompetitif.

Di samping simpanan persaraan, Perbadanan TAIB turut memperkenalkan akaun Medical Saver, iaitu pilihan simpanan yang direka untuk memberi ketenangan minda melalui perancangan jangka panjang yang tersusun bagi keperluan perubatan masa depan, membantu pelanggan bersedia dari segi kewangan untuk penjagaan kesihatan.

Kedua-dua akaun Retirement Saver dan Medical Saver terbuka kepada warga tempatan dan ekspatriat. Pegawai-pegawai Perbadanan TAIB berada di lokasi sepanjang acara untuk memberikan sesi konsultasi secara peribadi serta panduan kewangan, dengan promosi eksklusif tersedia untuk pengunjung yang bersedia memulakan perjalanan kewangan mereka.

Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. akan mempamerkan

perkhidmatan insurans digital melalui platform e-Dagang Insurans Islam TAIB, membolehkan pelanggan mengakses produk takaful dengan mudah melalui laman sesawang dan aplikasi mudah alih.

Antara produk yang diketengahkan termasuk Skim Takaful Pemilik Rumah dengan promosi 'Hot Deal' yang menawarkan e-Baucar eksklusif kepada pelanggan yang menyertai secara dalam talian, serta Skim Takaful Kemalangan Diri yang disesuaikan dengan perlindungan perubatan untuk warga tempatan dan ekspatriat.

Turut ditawarkan ialah Pelan Takaful Pembantu Rumah Persendirian, yang direka untuk memenuhi keperluan Jabatan Buruh bagi perlindungan perubatan pekerja asing sehingga BND100,000, menawarkan pilihan yang lebih berbaloi kepada pelanggan yang menyertai melalui

platform digital.

Darussalam Holdings Sdn. Bhd. pula menawarkan pelbagai tawaran eksklusif yang menarik sepanjang pameran. Pengunjung boleh menikmati promosi tambang penerbangan istimewa dan Pakej Pelancongan terhad termasuk umrah dan lawatan ke luar negara, dengan diskaun eksklusif sebanyak BND100 bagi tempahan yang dibuat sepanjang acara tiga hari tersebut.

Setiap transaksi yang disahkan juga akan menerima hadiah percuma dan baucar TGOC, yang boleh ditebus di Kaunter Darussalam Holdings di The Mall, Gadong dan pejabatnya di The Airport Mall.

Pameran ini turut menampilkan penyertaan daripada rakan strategik Kumpulan TAIB seperti Taurean Bakeshop & Café, Heritage Bakwa, Utara Coast, Barramundi Group, Rev & Brew, Pop Mart (BY Enterprise), Mosari

Trading & Distributor Sdn. Bhd., Bread Parlour, Ar-Rafi, Sumbiling dan Brunei River Cruise, yang menyumbang kepada suasana lebih meriah.

Turut serta, rakan dalam sektor hartanah dan automotif iaitu Nesting Sdn. Bhd., Rimbunan Raya Real Estate, PAD Motors Sdn. Bhd. (Proton Brunei) dan Setia Motors Sdn. Bhd. (Hyundai).

Cyber Security Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei juga turut mengambil bahagian melalui kaunter interaktif dan pendidikan.

Para pengunjung berpeluang menikmati demonstrasi produk, tawaran eksklusif, khidmat nasihat di lokasi serta aktiviti interaktif di semua gerai pameran. Terdapat juga cabutan hadiah dan aktiviti Passport-to-Rewards, yang memberikan lebih banyak peluang kepada orang ramai untuk menikmati pengalaman pameran ini dengan lebih bermakna.

PSI sumber pemakanan unik, sempurna untuk anak damit

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

Menurut Yang Berhormat, PSI adalah asas penting untuk kesihatan ibu dan anak damit. Susu ibu adalah sumber pemakanan yang unik dan sempurna kerana ia mengandungi semua nutrien yang diperlukan untuk pertumbuhan dan perkembangan anak damit secara optimum.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, susu ibu turut mengandungi antibodi yang berperanan melindungi anak damit daripada pelbagai jangkitan penyakit termasuk jangkitan paru-paru dan telinga, mengurangkan masalah cirit-birit, dan juga mengelakkan karies gigi.

"Pemberian PSI juga mempunyai manfaat kesihatan yang berpanjangan untuk ibu dan anak damit termasuk mengurangkan risiko untuk menghidap penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis, penyakit jantung, beberapa jenis kanser dan juga boleh mencegah masalah obesiti sehingga dewasa.

"Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengesyorkan agar PSI dimulakan dalam tempoh satu jam sejurus selepas kelahiran.

"Para ibu juga disarankan untuk menyusukan anak damit secara eksklusif selama 6 bulan pertama kehidupan, iaitu tanpa memberikan

sebarang makanan atau minuman lain termasuk air selain susu ibu (sama ada secara langsung atau yang diperah)," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, pengecualian hanya diberikan kepada Oral Rehydration Salt (ORS), titisan atau sirap vitamin, mineral dan ubat-ubatan yang diperlukan. Selepas berusia 6 bulan, anak damit disarankan agar makanan pelengkap (*complementary feeding*) diperkenalkan di samping meneruskan PSI sehingga anak damit berusia 2 tahun.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD) jelas Yang Berhormat, hasil pengumpulan data rutin bagi 2024 menunjukkan bahawa kadar PSI secara eksklusif adalah 37 peratus dan ini jauh daripada sasaran yang ditetapkan oleh WHO, iaitu sekurang-kurangnya 50 peratus.

Angka ini kata Yang Berhormat lagi, menunjukkan penurunan berbanding tahun-tahun sebelumnya, dengan kadar tertinggi pernah direkodkan adalah sekitar 47 peratus pada 2019. Penurunan kadar berkenaan adalah membimbangkan kerana amalan PSI telah pun dikenal pasti oleh WHO dan juga Kementerian Kesihatan sebagai salah satu intervensi utama dalam usaha untuk mencegah serta menangani masalah obesiti di negara ini, dengan NBD didapati mempunyai kadar obesiti tertinggi di Asia

Tenggara.

"Amalan PSI bukanlah sesuatu yang mudah. Hasil daripada kaji selidik yang dijalankan pada tahun ini menunjukkan bahawa para ibu di NBD menghadapi pelbagai cabaran untuk mengamalkan PSI dengan baik.

"Penyebab paling utama ibu memperkenalkan susu formula lebih awal dari 6 bulan kehidupan anak damit adalah kekurangan bekalan susu (*low milk supply*) yang dialami oleh 46 peratus daripada para ibu yang mengikuti kaji selidik tersebut.

"Penyebab-penyebab lain yang telah dilaporkan adalah termasuk masalah penyusuan seperti bengkak, luka atau rasa sakit pada buah dada, kekurangan sokongan di tempat kerja dan juga kekurangan sokongan dari pasangan dan keluarga.

"Kajian sudah membuktikan bahawa kebanyakan isu kekurangan bekalan susu yang dialami oleh ibu-ibu sebelum anak damit mencapai umur 6 bulan sebenarnya berpunca daripada salah tanggapan bahawa bekalan susu yang dihasilkan tidak mencukupi, walaupun sebenarnya tubuh badan masih berupaya untuk menghasilkan jumlah susu yang mencukupi untuk keperluan anak damit.

"Ini kerana, susu ibu adalah dihasilkan dengan *supply and demand* melalui hormon prolaktin dan oksitosin yang berfungsi untuk merangsangkan otak untuk menghasilkan susu yang mencukupi," ujar Yang Berhormat.

Dalam perutusan berkenaan Yang Berhormat menjelaskan oleh itu, semakin kerap anak damit menyusu dari ibunya, semakin banyak bekalan susu akan dihasilkan. Para ibu perlu memastikan posisi semasa menyusukan anak dilakukan dengan betul dan selesa serta memastikan anak damit mendakap ke payudara dengan cara yang betul.

Sekiranya ibu menghadapi sebarang masalah berkaitan dengan PSI tambah Yang Berhormat, para ibu digalakkan untuk mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan melalui perkhidmatan kesihatan ibu dan anak damit yang sedia ada.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat berkata bagi memastikan amalan PSI dapat dilaksanakan dengan baik serta menjamin penghasilan bekalan susu yang mencukupi untuk keperluan anak damit, para ibu memerlukan sokongan padu daripada suami, ahli keluarga dan seluruh masyarakat, terutamanya dalam persekitaran tempat kerja melalui sokongan daripada rakan kerja dan penyediaan kemudahan untuk PSI yang bersesuaian seperti bilik khas, peti sejuk dan sebagainya.

Pada masa yang sama, jelas Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan akan terus komited untuk menyokong para ibu melalui penyediaan perkhidmatan kesihatan seperti penganjuran kelas PSI bagi ibu mengandung, memberi kaunseling dan juga



Prioritise Breastfeeding
Create sustainable support systems
WABA | WORLD BREASTFEEDING WEEK 2025

bantuan secara praktikal bagi ibu yang memerlukan selepas kelahiran anak damit.

"Kementerian Kesihatan juga akan berusaha untuk memperkukuh perkhidmatan kesihatan dan juga melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kesedaran awam serta mewujudkan persekitaran mampan yang menyokong untuk mengekalkan amalan PSI, dengan kerjasama daripada pelbagai agensi dan pihak berkepentingan.

"Akhir kata, marilah bersama - sama mewujudkan persekitaran yang mesra agar para ibu boleh mengamalkan PSI dengan selesa dan penuh dedikasi.

"Dengan sokongan yang kuat dari seluruh masyarakat, kita dapat menjana perubahan yang bermakna dan memastikan kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak dan masa depan kita semua di NBD, insyaaAllah," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.

DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Julai. - Sambutan Hari Belia Kebangsaan diraikan bagi memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada para belia yang banyak memberi sumbangan bakti dan impak kepada penduduk dan masyarakat di negara ini, selain sebagai platform ke arah membarigakan kejayaan para belia di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa dalam mengangkat dan memartabatkan sumbangan para belia di seluruh negara.

Pada tahun ini, acara kemuncak sambutan iaitu Majlis Sambutan

Hari Belia Kebangsaan Ke-20 dengan tema 'Belia Siaga Masa Depan' akan diadakan pada Sabtu, 16 Ogos 2025M bersamaan 22 Safar 1447H di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Bersempena dengan sambutan tersebut, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) lewat petang tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran (Solat Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Bacaan Surah Yaa Siin, Bertahlil serta Doa Kesyukuran) bertempat di Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Atur cara majlis dimulakan dengan Solat Fardu Maghrib Berjemaah dan Solat Hajat Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid An-Na'im, Awang Muhammad Saifullah bin Haji Rosli.

Kemudian diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang juga dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid An-Na'im dikhususkan kepada Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran (Solat Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Bacaan Surah Yaa Siin, Bertahlil serta Doa Kesyukuran).

Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan kaum Muslimin dan Muslimat yang telah kembali ke rahmatullah.

Majlis diteruskan dengan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025 dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai SkipPA Hal Ehwal Masjid, Awang Mohammad Zainul Ariffin bin Sabtu.

Majlis diakhiri dengan Solat Fardu Isyak Berjemaah yang turut diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid An-Na'im.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus; Setiausaha - setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025.

Majlis turut dihadiri oleh ahli-ahli persatuan dan pergerakan belia dan sukan; pasukan-pasukan belia beruniform; institusi-institusi pengajian tinggi dan menengah; belia-belie masjid; Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau dan penduduk sekitarnya serta belia-belie amnya bagi sama-sama merafakkan doa dan sebagai tanda kesyukuran betapa beruntungnya belia di negara ini terus hidup dalam suasana aman dan bebas bergerak dengan sokongan kerajaan secara berterusan.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan.

Bacaan Yaa Siin, Tahlil di Kubah Makam Diraja



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir mengetuai rombongan bagi Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil (atas), manakala gambar kiri, antara yang turut hadir pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Julai. - Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bersempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, bagi Tahun 2025 telah diadakan hari ini bertempat di Kubah Makam Diraja, di sini.

Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil ini dikhususkan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

kepada ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Hadir bagi mengetuai rombongan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil serta Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh johan qari Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1446 Hijrah / 2025 Masihi, Awang Zainal Mustapa bin Jaluddin.

Hadir sama, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus;

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20; pengarah-pengarah bahagian dan jabatan, pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya; persatuan-persatuan belia dan sukan; pasukan-pasukan belia beruniform; institusi-institusi pengajian tinggi dan menengah; belia-belie masjid, serta pihak-pihak yang berkepentingan yang lain.

Hari Belia Kebangsaan merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan terhadap pergerakan belia di negara ini yang lazimnya disambut pada setiap 1 Ogos dengan pengisian pelbagai aktiviti sampingan termasuk aktiviti keagamaan.

Selain itu, Hari Belia Kebangsaan juga merupakan wadah kepada para belia untuk mengadakan perjumpaan khusus bagi menghargai sumbangan dalam pembangunan belia sebagai sokongan kepada usaha dan inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa memberikan perhatian yang penuh melalui penyediaan berterusan program-program pembangunan kapasiti, kemudahan-kemudahan prasarana, infrastruktur dan bantuan fizikal dan fiskal.

PENTARAMA WADAH PENYAMPAIAN MESEJ POSITIF, SEMANGAT PATRIOTISME



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada Persembahan PENTARAMA bertempat di Pentas Perayaan, Kawasan Letak Kereta berhadapan dengan Muzium Alat Kebesaran Diraja (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Julai. - Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun bagi Daerah Brunei dan Muara diteruskan lagi malam tadi dengan Persembahan PENTARAMA bertempat di Pentas Perayaan, Kawasan Letak Kereta berhadapan dengan Muzium Alat Kebesaran Diraja, di ibu negara.

Persembahan PENTARAMA merupakan anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik.

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Menteri (Urustadbir

Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali; Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah selaku Pengerusi Persembahan PENTARAMA; Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini selaku Timbalan Pengerusi; Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim; Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri



Begawan, Awang Amirul Syukri bin Haji Hafneh; serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di bawah Mukim Serasa dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Persembahan dimulakan dengan lagu tema PENTARAMA dan tarian oleh Penari Arts and Culture Club dari Cosmopolitan College, diikuti dengan persembahan nyanyian solo dan berkumpulan oleh artis-artis tempatan seperti Rasyiqah, Dayat, Krunn dan Yanie.

Menjadi tumpuan malam ini ialah persembahan drama pentas bertajuk 'Medsos Melalaikan' oleh Kumpulan Pentas Insan Seni yang menyentuh isu ibu bapa yang terlalu leka dengan media sosial sehingga mengabaikan tanggungjawab agama, nilai adab dan peranan mendidik anak, yang akhirnya membawa kepada tragedi apabila anak mereka terjebak

dalam sindiket pengedaran dadah antarabangsa.

Penonton turut dihiburkan dengan persembahan lawak jenaka oleh Najib dan Loh dari kumpulan BruHaha, yang menyampaikan mesej penting mengenai kewaspadaan dalam penggunaan media sosial bagi mengelakkan penipuan dalam talian.

Acara turut diserikan dengan Kuiz PENTARAMA, di mana hadiah disampaikan oleh tetamu kehormat kepada para pemenang.

Persembahan diakhiri dengan lagu Dirgahayu oleh barisan artis sebagai tanda penghargaan dan semangat cintakan negara.

PENTARAMA akan diteruskan ke daerah-daerah lain, iaitu di Daerah Belait pada Sabtu, 2 Ogos 2025 bertempat di Pentas Perayaan, Kawasan Gerai Tudung Saji dan akan berakhir di Daerah

Tutong pada Ahad, 3 Ogos 2025 berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Pekan Tutong.

Orang ramai dialu-alukan untuk hadir bagi memeriahkan lagi persembahan tersebut sebagai tanda sokongan dan kecintaan terhadap raja dan negara.

PENTARAMA adalah singkatan kepada pentas, tari dan drama iaitu merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan sejak tahun 1988 untuk menyampaikan maklumat rasmi secara langsung melalui pendekatan berunsur hiburan (*infotainment*).

Program ini bertujuan mendidik serta menyampaikan mesej-mesej berkaitan nilai positif, kesedaran sivik, patriotisme, keagamaan, pendidikan, serta isu semasa seperti penyalahgunaan dadah, penularan berita palsu dan gejala sosial lain dalam masyarakat.

Pusat Ehsan terima sumbangan derma



Oleh : Mohammad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BENGKURONG, Rabu, 30 Julai. - Print Plus Sdn. Bhd. dengan kerjasama Darussalam Assets Sdn. Bhd. pagi tadi mengadakan Majlis Penyerahan Derma hasil kempen amal sempena Hari Raya sebanyak BND3,134 yang berlangsung di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Hadir selaku tetamu kehormat

ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Darussalam Assets Sdn. Bhd.

Turut hadir, Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Pengiran Datin

Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Momin; Pengurus Besar Print Plus Sdn. Bhd., Awang Muhammad Reeda bin Haji Malik serta warga kerja Darussalam Assets dan Pusat Ehsan.

Jumlah kutipan derma tersebut telah disampaikan oleh tetamu kehormat majlis kepada Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Darussalam Assets Sdn. Bhd. hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan derma tersebut kepada Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (kiri dan atas).

Derma berkenaan adalah hasil daripada tempahan kad dan sampul hari raya rekaan khas yang dibuat oleh para pelajar Sekolah Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Tempahan tersebut dibuat oleh syarikat-syarikat di bawah Darussalam Assets dan Kumpulan Syarikatnya sebagai sebahagian daripada usaha amal mereka.

Syarikat-syarikat yang terlibat termasuk Berakas Power

Company Sdn. Bhd., Darussalam Assets Sdn. Bhd., Royal Brunei Culinary Sdn. Bhd. dan Unified National Networks Sdn. Bhd.

Keseluruhan hasil kutipan akan disalurkan untuk menyokong usaha Sekolah Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dalam memperluas kemudahan dan perkhidmatan sokongan mereka sebagai institusi yang memberi tumpuan kepada pendidikan khas.

PERSEMBAHAN BERCORAK KEAGAMAAN MERIAHKAN PENTAS PERAYAAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



TUTONG, Khamis, 31 Julai. - Dalam memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 pada tahun



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Sengkarai hadir selaku tetamu kehormat pada Persembahan Pentas Perayaan di Daerah Tutong (atas dan kiri).

ini, beberapa acara sampingan disediakan bagi memeriahkan lagi suasana sambutan dan salah satu acaranya ialah Persembahan Pentas Perayaan.

Persembahan Pentas Perayaan di Daerah Tutong diadakan malam tadi di kawasan lapang berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, di sini.

Persembahan Pentas Perayaan kali ini merupakan anjuran Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.

Juga hadir, Ketua Pegawai

Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Musa; pegawai dan kakitangan Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Tutong dan orang perseorangan.

Pengisian persembahan pentas, iaitu deklamasi - deklamasi puisi bertajuk 'Daulat Tuanku', 'Surah al-Kausar', 'Tanah Airku',

'Surah al-Nasr', dan 'Tutong Tanah Bertuah'. Juga diadakan ialah persembahan qasidah 'Syababul Khaer'.

Pentas Perayaan bercorak keagamaan berkenaan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pengunjung yang hadir.



PENTAS Perayaan bercorak keagamaan berkenaan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pengunjung yang hadir.

111 pelajar SMB diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Khamis, 31 Julai. - Seramai 111 pelajar Tahun 11 Sekolah Menengah Berakas (SMB) diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran yang telah berlangsung di Dewan Anggerek, sekolah



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil pada Majlis Khatam Al-Quran.

berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Juga hadir, Pengetua SMB, Dayang Hajah Norhashimah binti Haji Burut.

Majlis juga dihadiri para jempunan dan ibu bapa serta penjaga pelajar yang menyertai Khatam Al-Quran berkenaan.

Acara berkenaan merupakan acara tahunan sekolah tersebut terutama bagi pelajar Tahun 11 yang telah tamat pembacaan 30 juzuk Al-Quran di samping memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala bagi menghadapi peperiksaan GCE / IGCSE Peringkat 'O' untuk tahun 2025 yang akan bermula pada September ini.

Majlis Khatam Al-Quran berkenaan dianjurkan oleh Jabatan Pengetahuan Ugama Islam (IRK) dan Bahasa Arab sekolah berkenaan.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

Available on the App Store and Google Play.



Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser No. 1 di kalangan **lelaki** dan No. 2 di kalangan **wanita** di Negara Brunei Darussalam.

Penyebab bagi: 1 dalam 10 kanser lelaki, 1 dalam 5 kanser wanita

Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Langkah Pencegahan

- Tidak merokok
- Mengekalkan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

Jika anda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari: <https://moh.gov.bn/>

TINGKAT PEMAHAMAN PELAKSANAAN, IMPLIKASI PINDAAN TANAH

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pembangunan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Julai. - Kementerian Pembangunan meneruskan lagi siri taklimat pemaparan mengenai Perintah Kanun Tanah (Pindaan) 2025 baru-baru ini, bertempat di



TAKLIMAT disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-undang) Kementerian Pembangunan; Pemangku Ketua Divisyen Guna Tanah, Perumahan dan Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan, Dayang Nuruljannah binti Haji Alim; dan Pegawai Tanah Kanan, Jabatan Tanah, Dayang Amal Hayati binti Haji Junaidi.

Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Taklimat tersebut bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai pelaksanaan dan implikasi

pindaan perintah berkenaan.

Lebih kurang 50 pegawai dan kakitangan dari Jabatan Daerah dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) menghadiri sesi berkenaan.

Taklimat disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-undang) Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh; Pemangku Ketua Divisyen Guna Tanah, Perumahan dan Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan, Dayang Nuruljannah binti Haji Alim; dan Pegawai Tanah Kanan, Jabatan Tanah, Dayang Amal Hayati binti Haji Junaidi.

Turut hadir semasa taklimat berkenaan ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat, Daerah Belait; Timbalan



TURUT hadir semasa taklimat berkenaan ialah Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait.

Pengarah Pendaftaran Kebangsaan, JIPK, Awang Haji Hairone bin Haji Abdul Rahman; Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad; penghulu-penghulu

mukim dan ketua-ketua kampung dari keempat-empat daerah, Ahli-ahli Jawatankuasa Unit LCAO 2025 serta pegawai-pegawai dari Jabatan Tanah.

Awang Haji Omar Abdul Aziz calon Ketua Kampung



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara semasa hadir pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Tasek Lama, Melabau dan Tungkadeh. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Ogos. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Tasek Lama, Melabau dan Tungkadeh diadakan pagi tadi bertempat di Sekolah



Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Imam Tingkat III, Masjid Ash-Shaliheen, Awang Md. Syariff Wafiuddin bin Jemain@Jamain.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Tasek Lama, Melabau dan Tungkadeh menyaksikan Awang Haji Omar Abdul Aziz bin Haji Md. Azrae mendapat sebanyak 79 undian setuju, dengan tiada undian tidak setuju mahupun undian rosak.

Awang Haji Omar Abdul Aziz, berusia 49 tahun, telah menetap di Kampung Mabohai sejak lahir dan mempunyai berkelulusan Brunei-Cambridge GCE Peringkat

SUASANA pada majlis yang berlangsung di Sekolah Rendah Pusuar Ulak.

Permohonan pengambilan pelajar baharu ITQSHHB masih dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Julai. - Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) masih membukakan Tawaran Pengambilan Pelajar Baharu (Peringkat Menengah Tahun 7) ITQSHHB bagi Sesi 2026 Masihi sehingga Sabtu, 2 Ogos 2025.

Pemohon yang berminat bolehlah mengisi Borang Permohonan secara dalam talian sama ada melalui pautan pendaftaranitqshhb.my.canva.site.

Pemohon yang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran ke ITQSHHB dikehendaki mengisi Borang Permohonan dengan lengkap dan mengembalikannya selewat-lewatnya pada Sabtu, 2 Ogos 2025.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi nombor telefon +673 2222090 / +673 2222093 / +673 2222096 sambungan 229 / 230 atau melalui WhatsApp +673 8165297 atau e-mel pendaftaran@itqshhb.edu.bn.



BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department



**PANDU DENGAN PERLAHAN.
KELAJUAN YANG MELEBIHI 80 KM/J
AKAN MENYEBABKAN KENDERAAN
AWDA MELUNCUR**

Perkara ini akan berlaku apabila tayar kenderaan awda tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan menyebabkan kenderaan akan meluncur ke hadapan

21:49
68

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

'A' dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Beliau dicadangkan oleh Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, dan disokong oleh Awang Haji Azrae bin Haji Abdul Manaf selaku penyokong pertama serta Awang Haji Md. Asri bin Haji Abdul Manaf

selaku penyokong kedua.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) bagi proses selanjutnya.

MANGSA BENCANA TERIMA BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

TUTONG, Khamis, 31 Julai. - Seramai 51 orang ketua keluarga telah menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Majlis berlangsung di Dewan Kediarnan Rasmi Pegawai Daerah Tutong.

Seramai 46 ketua keluarga dari Daerah Tutong dan lima orang ketua keluarga dari Daerah Belait yang menerima



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana (kiri dan atas).

bantuan kewangan hari ini adalah mangsa yang terlibat dalam kejadian banjir.

Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian bencana tersebut dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan),

KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Pemberian bantuan kewangan ini adalah bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana demi kesejahteraan mereka sekeluarga.


Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.



سورھنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNAI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1



2



Bahagian	Status	Lihat
V	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	Lihat
K	PROSES PERAKUAN	Lihat
K	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	Lihat
W	TIDAK HADIR	Lihat
K	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	Lihat
W	PEMOHON DITERIMA	Lihat

3



Memperkukuh nilai integriti, sistem tadbir urus pemimpin muda

KUCHING, SARAWAK, Khamis, 31 Julai. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru-baru ini menyertai Borneo International Integrity Summit (BIIS) 2025 yang berlangsung pada 29 hingga 30 Julai 2025, bertempat di Borneo Convention Centre Kuching (BCCCK), Sarawak.

Delegasi UNISSA diketuai oleh Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norfarhan bin Haji Zainal, selaku ahli panel forum jemputan dalam BIIS 2025.

Turut serta dalam rombongan berkenaan ialah Penolong Rektor (Hal Ehwal Akademik), Pendaftar, Penolong - penolong Pendaftar serta 15 pelajar yang menyertai secara aktif dalam pelbagai sesi dialog dan perbincangan sepanjang sidang berlangsung.

Sidang yang bertemakan 'Driving Innovation, Transparency and Ethical Leadership for a Sustainable Future' berkenaan menumpukan perbincangan kepada isu-isu tadbir urus beretika, kepimpinan telus dan pembangunan mampan, dalam usaha memperkukuh nilai integriti dan sistem tadbir urus dalam kalangan pemimpin muda di rantau Borneo.

Persidangan berkenaan telah dirasmikan oleh Premier Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg yang diwakili oleh Timbalan Premier Sarawak, Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Objektif utama BIIS 2025 adalah untuk memperkukuh kesedaran awam terhadap kepentingan integriti dan akauntabiliti. Selain itu, mewujudkan jaringan kolaboratif antara institusi pendidikan dan agensi kerajaan serta untuk menjadi platform sinergi serantau dalam usaha membanteras rasuah dan meningkatkan kepercayaan terhadap institusi awam.

Persidangan berkenaan turut menampilkan beberapa sesi perbincangan selari, termasuk meja bulat pelajar serta sesi wacana khusus melibatkan pendaftar dan pegawai Perkhidmatan Awam yang memberi ruang kepada pertukaran pandangan rentas institusi dan negara.

Sempena penyertaan dalam BIIS 2025, delegasi UNISSA telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dua hala bersama

Naib Canselor dan pegawai-pegawai utama dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada 28 Julai 2025.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Pertemuan berkenaan merupakan satu inisiatif strategik UNISSA ke arah memperkukuh hubungan kerjasama akademik dan penyelidikan antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) serantau, khususnya di Sarawak.

Penyertaan UNISSA dalam BIIS

2025 menzahirkan komitmen universiti dalam memainkan peranan aktif di peringkat serantau dalam memperkasa nilai integriti, kepimpinan beretika dan jaringan kerjasama ilmiah demi pembangunan lestari dan berprinsip.



DELEGASI Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) diketuai oleh Rektor UNISSA selaku ahli panel forum jemputan dalam Borneo International Integrity Summit (BIIS) 2025.

MEMARTABATKAN PENGAJIAN PERGURUAN UGAMA, KHAZANAH ILMU



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) bergambar ramai pada Majlis Kesyukuran Minggu Ta'aruf Kali Ke-19 KUPU SB.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Julai. - Mahasiswa mahasiswi dan seluruh warga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) sewajarnya terus bersatu padu dalam bersama-sama memacu dan membina kecemerlangan kolej universiti dengan penuh amanah lagi berintegriti demi mencapai keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, mahasiswa-mahasiswi KUPU SB khasnya juga diseru untuk tekun menuntut ilmu dan menempuh alam pengajian tinggi dengan sebaik-baiknya, penuh rasa bertanggungjawab dan beretika, sesuai dengan lunas-lunas keislaman.

Perkara tersebut dikongsikan menerusi tausiah yang disampaikan oleh Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dalam Majlis Kesyukuran Minggu Ta'aruf Kali Ke-19 KUPU SB, yang berlangsung pagi tadi di Dewan Tarbiah, kolej universiti

berkenaan.

Menurutnya lagi, KUPU SB komited untuk terus menawarkan dan mempraktikkan pengurusan sistem serta proses pengajaran dan pembelajaran yang bersepadu lagi berkesan khususnya menerusi penggunaan teknologi terkini dalam meningkatkan kompetensi warga KUPU SB supaya mereka dapat berkembang maju, berkemahiran dan berilmu pengetahuan.

Tidak syak lagi, KUPU SB memainkan peranan yang penting sebagai mercu tanda keislaman yang unik dengan memartabatkan pengajian perguruan agama dan khazanah ilmu kitab turath melayu.

Seramai 132 orang pelajar baharu Sesi Akademik 2025/2026 telah menyertai Minggu Ta'aruf yang menandakan bermulanya pengajian mereka di KUPU SB.

Minggu Ta'aruf memberi penekanan kepada pemahaman yang mendalam terhadap falsafah, visi dan misi KUPU SB sekali gus menyelami matlamat penubuhan institusi ini serta peranan mereka sebagai mahasiswa - mahasiswi yang berakhlak mulia dan berdaya saing.

Irama Gambus Warisan meriahkan Pentas Perayaan Daerah Tutong



Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan - Irama Gambus Warisan dari 7 Rumpun Keluarga Nayan (7RKN) (atas), manakala gambar atas kanan, antara yang menyertai persembahan yang diharap akan dapat menyatukan masyarakat Melayu secara amnya dengan menghargai nilai-nilai budaya dan warisan negara ini.

ANTARA yang hadir menyaksikan persembahan yang diadakan di Kawasan Lapang Berhadapan Hospital Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

TUTONG, Rabu, 30 Julai. - Irama Gambus Warisan dari 7 Rumpun Keluarga Nayan (7RKN) merupakan persembahan yang turut sama bagi memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025, malam tadi.

Persembahan berkenaan juga merupakan sebahagian daripada acara Pentas Perayaan Daerah Tutong yang diadakan di Kawasan Lapang Berhadapan Hospital Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran

Muda Haji Al-Muhtadee Billah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat sekali gus sama - sama memeriahkan lagi majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri. Petikan gambus oleh Ahli 7RKN itu menampilkan lebih 20 persembahan yang terdiri daripada pelbagai jenis genre lagu.

Persembahan berkenaan diharap akan dapat menyatukan masyarakat Melayu secara amnya dengan menghargai nilai-nilai budaya dan warisan negara ini, seiring dengan berpegang teguh dan menjaga kemurnian falsafah negara, Melayu Islam Beraja.

UPACARA PERBARISAN PELANTIKAN PEMERINTAH TDDDB KE-15

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pertahanan



PEMERINTAH Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB) dalam ucapannya.

BERAKAS GARISON, Jumaat, 1 Ogos. - Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan pelantikan Kolonel Aldi bin Haji Hassan sebagai Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB) Ke-15.

Upacara Perbarisan yang

berlangsung di Padang Kawad Batalion Pertama TDDDB (1Bn TDDDB), Berakas Garison.

Upacara berkenaan dihadiri oleh Timbalan Pemerintah, Ketua Staf, Pemerintah Medan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, Sarjan Mejar Tentera Darat, serta warga TDDDB.

Sejurus ketibaan di Padang Kawad 1Bn TDDDB, Pemerintah TDDDB yang baru dilantik menerima tabik hormat dan seterusnya memeriksa perbarisan yang terdiri daripada 517 anggota daripada semua unit TDDDB, yang diketuai oleh Timbalan Pegawai Pemerintah Rejimen Jurutera, Mejar Haji Abdul Rahim bin Haji Adris.

Upacara kemudian diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Kapten Abdul Mu'iz Azizi bin Zulkifli dari Jabatanarah Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (JAMA'AT) dan diikuti dengan ucapan daripada Pemerintah TDDDB.

Pemerintah TDDDB dalam ucapannya melafazkan taat setia Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

PEMERINTAH TDDDB yang baru dilantik memeriksa perbarisan yang terdiri daripada 517 anggota daripada semua unit TDDDB.

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan menggariskan visi beliau untuk TDDDB, berpandukan kepada Kertas Putih Pertahanan TDDDB 2021 tonggak utama, Cegah Rintang dan Respon, Diplomasi Pertahanan, dan Pertahanan Holistik.

Beliau juga menekankan penjajaran dengan mendukung prinsip Maqasid Syariah, bertujuan untuk memupuk 'Mission-Ready Land Forces' yang dicirikan oleh kesediaan operasi, kepimpinan yang kukuh dan perpaduan pasukan, mengutamakan kesejahteraan kakitangan, merangkumi kebajikan, kesihatan, keselamatan, dan keseimbangan kerja kehidupan, di samping pembangunan kerohanian yang berakar umbi dalam falsafah Melayu Islam Beraja, kekal menjadi pusat kepinimpannya.

Dalam mengakhiri ucapannya, Pemerintah TDDDB menggesa



anggota TDDDB memajukan Wawasan Brunei 2035 dan memperkukuh pertahanan negara.

Bagi memberkati majlis berkenaan, Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam telah dibacakan.

Upacara kemudiannya diakhiri dengan sesi bergambar ramai sebelum beredar ke Mes Pegawai

Berakas Garison bagi menikmati jamuan dan menandatangani lembaran kenangan.

Pelantikan Kolonel Aldi sebagai Pemerintah TDDDB yang baharu berkuat kuasa mulai hari ini. Sebelum ini, beliau telah menyandang jawatan sebagai Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).



SESI bergambar ramai yang berlangsung di Padang Kawad Batalion Pertama TDDDB (1Bn TDDDB), Berakas Garison.

Majlis Mengambil Alih Tugas Pemerintah AB ABDB



BOLKIAH GARISON, Jumaat, 1 Ogos. - Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam telah memperkenankan pelantikan Kolonel Pengiran Noor Rumaizi bin Pengiran Othman sebagai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AB ABDB) Ke-8.

Majlis Mengambil Alih Tugas Pemerintah AB telah diadakan di

PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menyampaikan ucapan perasmian pada Majlis Mengambil Alih Tugas berkenaan.

Dewan Wira Seni, Bangunan Pancaragam ABDB, Bolkiah Garison.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Ketua Staf, Ketua Unit Pertahanan Siber, pegawai-pegawai kanan berserta isteri masing-masing, pegawai-pegawai, Sarjan Mejar AB ABDB dan anggota-anggota AB ABDB.

Sejurus ketibaan, Pemerintah AB ABDB yang baharu menerima tabik hormat, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Leftenan (U) Haji Mohd. Syasuandi bin Haji Abu Bakar dari Jabatanarah Agama ABDB(JAMA'AT) dan diteruskan dengan penyampaian perasmian

ucapan Pemerintah AB ABDB.

Kolonel Pengiran Noor Rumaizi dalam ucapannya menyebarkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia menganugerahkan beliau peluang melaksanakan amanah sebagai Pemerintah AB ABDB.

Beliau juga menekankan kepentingan untuk meneruskan perancangan dan inisiatif yang telah diatitkan di bawah panduan Pemerintah AB dan Pemangku AB sebelum beliau, sambil menegaskan keperluan pendekatan bersepadu untuk memastikan operasi yang dijalankan oleh Markas Angkatan Bersenjata (MAB) sentiasa relevan, berkesan dan efisien di setiap masa.

Menurutnya lagi, keperluan untuk kesiapsiagaan dan menilai

segala ancaman yang bakal dihadapi, sama ada ancaman tidak tradisional mahupun konvensional, adalah sangat penting, termasuk ancaman yang berpunca daripada kemajuan teknologi seperti Kecerdasan Buatan (AI), Autonomous Weapons dan Electronic Warfare.

Selain itu, beliau menggariskan kepentingan untuk sentiasa menyesuaikan diri dengan apa jua keadaan dengan cekap dan berkesan, selain menekankan bagi setiap peringkat untuk memartabatkan dan terus mempertahankan disiplin dan sikap professional kerana kedua-duanya merupakan asas kekuatan dan integriti AB ABDB.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Selamat, Doa Ambil Alih Tugas serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis kemudian diakhiri dengan tabik hormat, bergambar ramai dan sesi beramah-mesra.

MEWUJUDKAN PERSEKITARAN EKONOMI BERDAYA TAHAN

■ **Siaran Akhbar : Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Julai. - Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (CCBD) telah mengumumkan penguatkuasaan Bab 21 dan Bab 23 di bawah Akta Persaingan, yang berkaitan dengan larangan terhadap penyalahgunaan kedudukan dominan dan penggabungan yang bersifat anti-persaingan.

Akta Persaingan merupakan satu akta untuk menggalakkan dan melindungi persaingan dalam pasaran di Negara Brunei Darussalam. Ia juga bertujuan untuk menggalakkan kecekapan

ekonomi, pembangunan ekonomi, dan kebajikan pengguna.

Objektif-objektif ini adalah penting dalam mewujudkan persekitaran yang menyokong perniagaan serta ekonomi yang berdaya tahan, sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 ke arah sebuah ekonomi yang dinamik dan mampan serta menawarkan kualiti hidup yang tinggi untuk semua rakyat.

Bab 21 Akta tersebut melarang sebarang kelakuan oleh syarikat yang mempunyai kedudukan dominan yang boleh menyekat persaingan, termasuk penentuan

harga yang menindas, urusan eksklusif atau tingkah laku lain yang mengeksploitasi kuasa pasaran bagi menyekat persaingan atau mengurangkan pilihan pengguna.

Bab 23 pula melarang sebarang penggabungan yang mengakibatkan, atau berkemungkinan mengakibatkan, pengurangan persaingan yang cukup besar, terutamanya yang boleh mewujudkan atau mengukuhkan kedudukan dominan dalam pasaran, yang akhirnya boleh menyebabkan harga lebih tinggi, atau pengurangan inovasi.

Penguatkuasaan kedua-dua peruntukan ini adalah lanjutan kepada pelaksanaan awal Bab 11

Akta berkenaan, yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2020.

Bab 11 melarang perjanjian yang bersifat anti-persaingan, seperti penetapan harga, penipuan bida, perkongsian pasaran dan pengawalan pengeluaran.

Dengan penguatkuasaan Bab 21 dan 23, ketiga-tiga tonggak utama di bawah Akta Persaingan kini telah dikuatkuasakan sepenuhnya.

CCBD menggalakkan semua perniagaan untuk menilai semula amalan komersial masing-masing dan memastikan pematuhan kepada peruntukan Akta Persaingan.

Budaya persaingan yang sihat bukan sahaja memberi manfaat kepada pengguna, malah menggalakkan inovasi dan produktiviti dalam kalangan perniagaan, serta menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara.

Untuk maklumat lanjut mengenai Akta Persaingan, orang ramai dan pihak perniagaan boleh melayari laman sesawang rasmi CCBD di www.ccbd.gov.bn.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada Sekretariat Eksekutif CCBD melalui talian +673 2383100 atau e-mel exec.secretariat@ccbd.gov.bn.

Tekankan kepentingan persediaan awal hadapi fasa persaraan



PARA peserta Program Lakastah Bersedia semasa sesi bergambar ramai.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Julai. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) telah mengemukakan Program Lakastah Bersedia, sebuah inisiatif perancangan persaraan secara komprehensif yang berlangsung selama dua hari bermula pada Rabu, 30 Julai hingga Khamis, 31 Julai 2025 bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Antara lain, program ini bertujuan untuk mempromosi kepentingan membuat persediaan awal dalam menghadapi fasa persaraan, meliputi aspek kewangan, kesihatan, perhubungan kekeluargaan/sosial serta pengurusan harta.

Golongan sasaran terdiri daripada individu yang dijangka bersara dalam tempoh 10 ke 15 tahun akan datang.

Bagi sesi kali ini, seramai 30 orang pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kesihatan bersama

pasangan masing-masing telah dijemput menyertai program tersebut, dengan harapan agar penyertaan bersama dapat memperkukuh keberkesanan perancangan bersama.

Melalui program ini, para peserta berpeluang mendapatkan pendedahan dan panduan praktikal daripada institusi jemputan.

Selain daripada penyampaian mengenai perancangan kewangan dan persaraan daripada Unit Perkhidmatan Persaraan TAP, institusi yang terlibat termasuk Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) yang menekankan pentingnya mengenali dan menghindari penipuan kewangan.

Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga yang memberi fokus kepada kesejahteraan hubungan kekeluargaan dan sosial, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang membincangkan aspek pengurusan harta waris sebelum

dan selepas meninggal dunia mengikut hukum syarak serta Pusat Promosi Kesihatan yang mengetengahkan langkah menjaga kesihatan sebelum dan selepas bersara.

Turut ditekankan semasa program ini ialah kepentingan menetapkan matlamat pendapatan persaraan dan mula mengambil tindakan awal untuk mengekalkan gaya hidup yang biasa dijalani setelah bersara nanti.

TAP turut menggalakkan membuat caruman sukarela ke dalam Akaun Ahli SPK sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan simpanan persaraan.

Dengan adanya Program Lakastah Bersedia ini, diharapkan dapat dijadikan landasan awal kepada para peserta untuk membina kehidupan yang lebih terancang, selamat dan bermakna.

Usaha seumpama ini akan diteruskan lagi ke kementerian-

kementerian dan agensi lain di masa akan datang.

Bagi Ahli-ahli TAP yang ingin mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan

yang disediakan oleh TAP, bolehlah menghubungi Pusat Panggilan TAP menerusi talian +673 2722929 semasa waktu bekerja ataupun melalui e-mel di ask@tap.com.bn.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Risa Awa

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada tarikh 7 Safar 1447H/ 1 Ogos 2025M



Sila imbas untuk
khutbah lengkap



جبلتن حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BELIA - HARAPAN NEGARA



Bakal Pewaris Bangsa



Generasi Muda/ Belia merupakan
tiang dan sandaran negara

Ciri yang perlu dimiliki setiap belia :



Beriman



Bernegara



Berbudaya



Berilmu



Berkeupayaan

**FOKUS UTAMA HARI BELIA KEBANGSAAN KE-20,
TAHUN 2025:**

- i. Ekonomi dan Keperluan Pekerjaan Masa depan
- ii. Kepekaan Sosial dan Inklusif
- iii. Kepimpinan dan Daya Tahan



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Setiap negara pasti mengharapkan untuk mempunyai rakyat dan penduduk yang mampu menyumbang ke arah kemajuan, kejayaan, keamanan dan kemakmuran bagi membangun negara. Dalam hasrat dan cita-cita kita untuk membangun ummah, bangsa dan negara, kita bukan hanya bergantung kepada kemantapan ekonomi semata-mata bahkan bergantung juga kepada sumber tenaga manusia yang antaranya ialah golongan belia.

Belia adalah harapan negara. Inilah

cogan kata yang sering didengar dan sudah sinonim dengan golongan belia yang merupakan kelompok dominan dan berpengaruh demi melahirkan sebuah negara dan bangsa yang berjaya. Mengapa kita memfokuskan kepada belia? Mengapa negara mengutamakan perkara-perkara yang berhubung kait dengan belia? Jawapannya belia adalah bakal pewaris bangsa, merekalah yang akan menanai segala tanggungjawab demi mengukuhkan pembangunan negara dan di bahu merekalah juga terletak cabaran bagaimana untuk kekal mencemerlangkan negara di mata dunia.

Generasi muda hari ini adalah cerminan wajah negara akan datang. Menurut Doktor Yusof Al-Qardhawi katanya : *"Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini, sekiranya golongan muda pada hari ini adalah daripada kalangan yang berakhlak dan berhemah tinggi, tentunya negara kita pada masa akan datang adalah sebuah negara yang aman makmur tetapi jika keadaan adalah sebaliknya maka bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku"*.

Generasi muda atau belia merupakan tiang dan sandaran negara serta menjadi sumber tenaga manusia yang bernilai. Pada mereka diletakkan cita-cita serta harapan negara pada masa hadapan. Sebagai harapan negara, mereka memikul tanggungjawab yang amat besar.

Oleh itu, mereka perlu dibentuk dan dipersiapkan dengan tarbiah, nilai-nilai dan kefahaman Islam sejak dari kecil lagi bagi menanai matlamat dan aspirasi negara yang dicintai. Untuk melahirkan belia Brunei yang cemerlang, ada beberapa ciri yang perlu dimiliki setiap belia, antaranya :

Pertama : Beriman iaitu patuh dan berpegang teguh kepada ajaran

agamanya.

Kedua : Berilmu iaitu mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk menerajui negara pada masa hadapan. Bangsa yang menitikberatkan pendidikan adalah bangsa yang mempunyai masa depan.

Ketiga : Berbudaya iaitu dapat mempertahankan dan memelihara ciri-ciri kebruneian seperti berbudi bahasa, menghormati orang tua, bersopan santun dan lain-lain kerana budaya itu mencerminkan keperibadian dan identiti sesuatu bangsa.

Keempat : Berkeupayaan iaitu dapat berdaya tahan dan berdaya saing di era globalisasi yang semakin kompetitif dan membolehkan negara kita sebanding dengan negara-negara maju.

Kelima : Bernegara iaitu memiliki sifat nasionalisme di dalam diri mereka bagi memastikan mereka mencintai bangsa dan negara demi pembangunan negara.

Dengan memiliki sifat atau ciri-ciri tersebut, maka akan dapat membantu melahirkan belia holistik yang cemerlang yang mempunyai rasa tanggungjawab demi bangsa dan negara. Dengan memiliki sifat-sifat ini juga para belia akan dapat berfikir dan menyedari akan peranan dan tanggungjawab mereka terhadap pembangunan negara dan juga sebagai penerus kesinambungan pentadbiran dan kemajuan pembangunan negara.

Dalam usaha membangun belia di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan perhatian yang penuh melalui penyediaan berterusan program-program pembangunan kapasiti, kemudahan-prasarana, infrastruktur serta

bantuan fizikal dan bantuan fiskal.

Generasi muda perlu bersedia dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin berkembang. Mereka hendaklah memfokuskan kepada beberapa perkara yang antaranya :

Pertama : Ekonomi dan keperluan pekerjaan masa depan. Belia perlu bersedia untuk meningkatkan kemahiran agar sentiasa relevan dan sejajar bagi keperluan pekerjaan pada masa depan.

Kedua : Kepekaan sosial dan inklusif. Belia yang siaga masa depan ialah mereka yang cakna terhadap komuniti, peka terhadap isu sosial dan mampu memacu perubahan yang inklusif dan keterlibatan belia dalam masyarakat.

Ketiga : Kepimpinan dan daya tahan. Belia bukan sekadar pengikut, mereka adalah pemimpin yang perlu diasuh dengan nilai integriti, empati dan kecekalan mental.

Akhirnya, bagi menjamin kemakmuran dan kemajuan negara kita ini agar berterusan dan sentiasa membangun dari semasa ke semasa, kita amat memerlukan golongan pelapis iaitu golongan belia kerana merekalah yang bakal menggantikan bagi meneruskan usaha dalam membangun ummah dan negara pada masa hadapan. Sama-samalah kita berdoa semoga belia-belia kita akan sentiasa berada di jalan yang benar dan diredai Allah Subhanahu Wata'ala jua, *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Tafsirnya : *"Kamu (wahai umat Nabi Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah. Dan kalau ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) beriman, tentulah yang demikian itu baik bagi mereka. (Tetapi) sebahagian daripada mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka ialah orang fasik"*. (Surah Ali-Imran, ayat 110)

Penutupan sementara stesen minyak bagi kerja pemeriksaan, penelitian

BIL.	TARIKH & WAKTU PENGUJIAN	ALAMAT/TEMPAT PENGUJIAN	DAERAH
1	5 Ogos 2025 (Selasa) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak TAIB Beribi	Brunei Muara
2	6 Ogos 2025 (Rabu) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Syarikat Kerjasama Kampung Tanjong Nangka (Satenaga), Kampung Tanjong Nangka	
3	7 Ogos 2025 (Khamis) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Pengalayan, Kampung Kapok	
4	25 Ogos 2025 (Isnin) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Koperasi Kampung Sungai Teraban (KKST) Berhad, Kampung Sungai Teraban	Belait
5	26 Ogos 2025 (Selasa) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Perkhidmatan Lumut	

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Julai. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan ke atas alat

sukatan jenis pam minyak di stesen-stesen minyak.

Langkah berkenaan adalah selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, di mana pemeriksaan bacaan ketepatan, sah dan berdaftar dengan Unit SDT adalah dikehendaki ke atas penggunaan alat sukat dan timbang bagi

tujuan perdagangan.

Dengan mengambil kira keselamatan dan kesejahteraan orang ramai serta para tenaga kerja yang terlibat sepanjang kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian tersebut, stesen-stesen minyak akan ditutup bermula jam 9.00 pagi hingga selesai, yang mana anggaran pelaksanaannya adalah sekitar dua jam.

Pemeriksaan dan penelitian ke



atas stesen-stesen minyak ini adalah pemeriksaan rutin yang dikendalikan sebanyak tiga kali setahun.

Keterangan jadual penutupan sementara stesen-stesen minyak bagi kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan

pada bulan Ogos 2025 tertera di dalam rajah.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit SDT, IBE melalui e-mel: sdt@mofe.gov.bn atau melalui talian +673 233 4092.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّم، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمْ يَمُوتْ فِ السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِي الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضُ وَلَا يَئُوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنْفَرَجُ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقْضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يغ ممباوا كبراونتوغن ساحت بسر كقد فقعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

91 MURID DARJAH VI DIRAIKAN DALAM MAJLIS KHATAM



ANTARA murid Darjah VI sesi petang Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran (atas), manakala gambar atas kanan, Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Abu Asiruddin bin Haji Zaini hadir selaku tetamu kehormat majlis, sementara gambar bawah kanan, antara yang menghadiri majlis tersebut.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Azmah Haji Ahad

SERUSOP, Rabu, 30 Julai. - Seramai 91 murid Darjah VI sesi petang Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan di Kampung Serusop, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Abu Asiruddin bin Haji Zaini, yang turut memulakan majlis dengan

memimpin bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai.

Acara kemudian diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam disusuli bacaan Takhtim. Manakala Doa Khatam pula dibacakan oleh Awang Amzar Naquiddin bin Titinoorsekandi.

Majlis turut diserikan dengan persembahan dikir, diikuti penyampaian sijil oleh tetamu kehormat majlis dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Md. Ayyub bin Haji Md. Salleh, tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Majlis Khatam Al-Quran ini antara lain bertujuan untuk meraikan dan memberi penghargaan kepada para pelajar

yang telah berusaha gigih sehingga berjaya menamatkan pembacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyemai semangat kecintaan terhadap Al-Quran dan menggalakkan budaya membaca Al-Quran.

Majlis-majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di persekolahan ugama di negara ini adalah bagi mendukung hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran yang menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan hidup beragama, di samping sebagai usaha pihak Jabatan Pengajian Islam dalam sama-sama mengukuhkan syiar Islam di negara ini.



Menghayati fungsi, tujuan ASEAN ditubuhkan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar



PARA pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN (atas), manakala gambar bawah, antara pelajar yang menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Julai. - ASEAN Communication Master Plan 2018 - 2025 bagi menyokong pelaksanaan Kuala Lumpur Declaration mengenai Wawasan ASEAN 2025.

Selain itu, untuk mencapai Wawasan ASEAN 2025, setiap tonggak Komuniti ASEAN mempunyai rangka tindakan sendiri bagi aktiviti dan pencapaian dalam dua peringkat iaitu melalui Tahun 2020 dan kemudian dari Tahun 2021 hingga Tahun 2025.

Ketua Meja Hal Ehwat Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat di Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail menerangkan demikian dalam taklimat Jerayawara Kenali ASEAN yang diadakan di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Lambak Kiri, hari ini.

Awang Eddy Iswandy juga menekankan, prinsip utama ASEAN antara lain menghormati kemerdekaan (*independence*), ketuanan (*sovereignty*), kesaksamaan (*equality*), integriti wilayah (*territorial integrity*) dan identiti nasional (*national identity*) semua negara.

Selain itu, tidak mencampuri hak sesebuah negara menentukan dasar nasional selain tidak campur tangan hal ehwal dalaman negara-negara anggota.

Prinsip seterusnya tambahnya, menyelesaikan sebarang perbezaan atau pertikaian secara aman, menolak penggunaan kekerasan serta bekerjasama secara efektif antara Negara-negara Anggota ASEAN.

Jerayawara Kenali ASEAN yang diselenggarakan oleh Jabatan Penerangan melalui Meja Hal Ehwat Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat

selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan dengan inisiatifnya mengedarkan buku yang mengandungi penerangan mengenai ASEAN ke sekolah-sekolah menengah, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), universiti dan juga kedutaan dan perwakilan diplomat asing negara ASEAN di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) Komiti Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COCI) NBD ada menyatakan bahawa dalam kepelbagaian budaya, bahasa dan tradisi, NBD akan sentiasa mendukung dan menanai hasrat ASEAN ke arah pemantapan kesalinghubungan dan keharmonian antara Negara-negara Anggota ASEAN.

Turut hadir pada taklimat berkenaan ialah Timbalan Pengetua Pentadbiran, Awang Hafizuddin bin Abdullah Tong dan para tenaga pengajar sekolah tersebut.

Seramai 365 pelajar dari Tahun 7, 8 dan 9 mendengarkan taklimat antara lain untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN iaitu Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).



KETUA Meja Hal Ehwat Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat di Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail menyampaikan taklimat.

Para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Pengetua Pentadbiran sekolah berkenaan.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN, ia juga usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, pada masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.

BENGKEL TINGKATKAN PENGHAYATAN, KEFAHAMAN SURAH AL-FATIHAH



Oleh : Mohammad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

JUNJONGAN, Khamis, 31 Julai. - Surah Al-Fatihah merupakan salah satu rukun dalam ibadah solat yang wajib dibaca dengan sebutan yang betul dan penghayatan yang mendalam.

Justeru, bagi meningkatkan pemahaman dan penghayatan terhadap surah tersebut, Bengkel Menghalusi Bacaan dan

Kefahaman Surah Al-Fatihah telah diadakan di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan.

Bengkel berkenaan dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Hal Ehwal Belia dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara, dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid As-Salaam.

Antara objektif bengkel ialah untuk menyemai kesedaran dalam kalangan para belia mengenai kepentingan memahami makna Surah Al-Fatihah serta menghayati kandungannya dalam solat.

Di samping itu, bengkel juga bertujuan memperkukuhkan ukhuwah dalam kalangan belia masjid, mendidik mereka dengan ilmu agama, serta membentuk insan yang seimbang, berakhlak



BENGKEL Menghalusi Bacaan dan Kefahaman Surah Al-Fatihah diadakan di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan (atas dan atas kiri).

mulia dan bersifat syumul dalam kehidupan seharian.

Seramai 48 orang peserta yang terdiri daripada para belia masjid serta pelapis imam dan bilal dari masjid-masjid sekitar Daerah Brunei dan Muara telah menghadiri bengkel tersebut yang memfokuskan kepada aspek teori dan praktikal dalam bacaan Surah Al-Fatihah.

Bengkel difasilitator oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kampung Bebatik Kilanas,

Awang Adee Aiman bin Haji Muhidin dan Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Abdul Kadir.

Diharapkan bengkel seumpama ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para peserta, bukan sahaja dalam mempertingkatkan kefahaman dan penghayatan bacaan Surah Al-Fatihah ketika solat, malah menjadi pemangkin ke arah pengamalan ibadah yang lebih khusus serta mempererat hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Jaga kesihatan, keselamatan ketika cuaca tidak menentu

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Julai. - Orang ramai adalah dinasihatkan agar mengambil langkah berjaga-jaga demi menjaga kesihatan diri dan keluarga masing-masing ketika cuaca berjerebu melanda negara pada masa ini.

Dalam usaha mengurangkan pendedahan kepada jerebu, orang ramai juga disarankan untuk memastikan pintu dan tingkap rumah serta kenderaan sentiasa ditutup rapat. Penggunaan penapis udara di dalam rumah juga amat digalakkan, terutamanya bagi mereka yang mempunyai masalah kesihatan.

Selain itu, adalah penting untuk memastikan tubuh sentiasa terhidrat dengan meminum air secukupnya. Minum sekurang-kurangnya lapan gelas air sehari dapat membantu tubuh menyingkirkan toksin serta mengekalkan tahap kesihatan yang baik.

Golongan berisiko tinggi seperti kanak-kanak, warga emas, wanita hamil dan individu yang menghidap penyakit pernafasan seperti asma diseru agar lebih berwaspada dan mengehadkan aktiviti luar berpanjangan. Manakala individu sihat boleh terus beraktiviti di luar jika bacaan Pollutant Standard Index (PSI) pada kadar sederhana (50 hingga 100).

Antara langkah awal dalam melindungi diri adalah seperti menggunakan krim atau losyen pelembap bagi kulit yang kering, menggunakan titik mata tanpa pengawet jika mata terasa pedih dan mengamalkan kebersihan diri dengan kerap mencuci muka dan tangan.

Sekiranya mengalami gejala

seperti batuk berpanjangan, sesak nafas, mata pedih atau sakit tekak, dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan perubatan dengan segera di pusat kesihatan yang berhampiran.

Dalam masa yang sama, orang ramai diminta untuk mengikuti perkembangan terkini berkaitan

cuaca dan tahap jerebu melalui sumber rasmi seperti Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi serta Kementerian Kesihatan.

Orang awam juga boleh memuat turun aplikasi mudah alih untuk memantau PSI secara harian dan digalakkan untuk terus mengambil langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya demi kesihatan diri, keluarga dan masyarakat sekeliling.



Sebuah lagi syarikat dibenarkan kendali Pakej Umrah

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Julai. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji (JU) dengan sukacita memaklumkan bahawa sebuah lagi agensi pelancongan diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2025 Masihi, iaitu Al Qobul Travel & Tours Sdn. Bhd.

Dengan kebenaran yang diberikan tersebut, maka pada masa ini sebanyak 38 buah agensi pelancongan telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2025M.

Antara syarikat tersebut ialah Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB); Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA); Continental Yachting Sdn. Bhd.; Raudah Al-Amin Sdn. Bhd. (RAA); Titian Travel and Tours Sdn. Bhd.; At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd.; Dar El-Ehsan Travel and Tours Sdn. Bhd. (DEE); Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd. (AHTTSB) dan Baluriah Travel Sdn. Bhd.

Seterusnya, As-Safa Travel and Tours Sdn. Bhd.; Al-Abraj Travel and Tours Sdn. Bhd.; Aleiya Voyages Sdn. Bhd.; Al-Hajat Tours and Travels Agency Sdn. Bhd.; Al-Haramain Bil Iman Travel and Tours Sdn. Bhd.; Al-Miqat Travel and Tours Sdn. Bhd.; Firdaus Al-Munawwarah Travel Services Sdn. Bhd. dan Ghufuran Travel and Tours Sdn. Bhd.

Sementara itu, Hayya Travel & Tours Sdn. Bhd.; Humaira Travel Centre (Borneo) Sdn. Bhd.; Hurriyah Travel Services Sdn. Bhd.; Ijtihad Travel Sdn. Bhd.; Lamisa International Tours and Travels Sdn. Bhd.; Maduli Agency Travel Sdn. Bhd.; Mustaqim Travel and Tours Sdn. Bhd.; Az-Zain Travel and Tours Sdn. Bhd. dan Az Back To Nature Travel Sdn. Bhd.

Kemudian, diteruskan lagi dengan El-Abqari Travel & Tours Sdn. Bhd.; Humzaik Travel & Tours Sdn. Bhd.; Simply Umrah (B) Travel and Tours Sdn. Bhd.; JB Travel Agencies Sdn. Bhd.; PGGBM Travel Service Sdn. Bhd.; Al-Hambra Travel and Tours Sdn. Bhd.; An-Nur Al-Khayr Travel and Tours Sdn. Bhd.; Ikhlash Global Tours Sdn. Bhd.; Al Kheira Sdn. Bhd.; Hafiz Bru Travel and Tours Sdn. Bhd.; Darul Rahman Travel Sdn. Bhd. dan Al Qobul Travel & Tours Sdn. Bhd.

Sehubungan dengan itu, KHEU menasihatkan orang ramai yang berhasrat untuk menunaikan ibadat umrah bolehlah mengikuti dan berhubung terus dengan agensi-agensi pelancongan yang dibenarkan tersebut.

10 GURU BUSINESS STUDIES ADAKAN LAWATAN



GURU-guru Business Studies dari sekolah menengah kerajaan di Negara Brunei Darussalam semasa membuat lawatan ke Dart Logistics Sdn. Bhd. (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Julai. - Kira-kira 10 guru Business Studies dari sekolah menengah kerajaan di Negara Brunei Darussalam telah membuat lawatan ke Dart Logistics Sdn. Bhd., petang tadi.

Lawatan berkenaan dianjurkan oleh Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), ahli hab Aktiviti Perkembangan Profesional di bawah Subject Based Committee (SBC) Business Studies. Sementara sekolah tuan rumah bagi SBC Business Studies ialah Sekolah Menengah Masin.

Ketibaan rombongan berkenaan

dialu-alukan oleh Pegawai Pentadbiran dan Sumber Manusia dari Unit Pentadbiran dan Kewangan, Dart Logistics Sdn. Bhd., Dayang Aqilah binti Azizul, dan seterusnya menyampaikan ceramah bersama ahli pentadbiran yang lain, diikuti dengan sesi soal jawab.

Dihasratkan maklumat yang diperoleh daripada lawatan berkenaan dapat digunakan oleh guru-guru dalam pengajaran topik-topik berkaitan dengan memberikan contoh - contoh tempatan.

Pada akhir sesi, Awang Muslim

Shah bin Mosah, penganjur lawatan dari STPRI telah menyampaikan Sijil Penghargaan yang disediakan oleh pihak Jabatan Sekolah-sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan; dan cenderamata dari Sekolah Menengah Masin kepada Dayang Aqilah sebagai wakil Dart Logistics Sdn. Bhd.

Ketua Hab Aktiviti Perkembangan Profesional di bawah SBC Business Studies, Dayang Nor Azimah binti Haji Mohammad, yang merupakan guru subjek Business Studies dari Sekolah Menengah Lambak Kiri turut menyampaikan Sijil Penghargaan yang juga disediakan oleh pihak JSS, Kementerian Pendidikan kepada Awang Muslim Shah.



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-sekolah

Bantu kesan pekerja lari daripada majikan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TUTONG, Khamis, 31 Julai. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Tutong ingin memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja lelaki warganegara Republik Rakyat Bangladesh yang dipercayai lari daripada majikan, iaitu Reaz Howlader, berusia 35 tahun, dengan nombor pasport EL0860184.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, sila hubungi Balai Polis Tutong menerusi talian +673 4222580 atau Talian Kecemasan Polis 993

atau terus melaporkan ke balai-balai polis berdekatan.



WARGANEGARA Republik Rakyat Bangladesh yang dipercayai lari daripada majikan, iaitu Reaz Howlader.



KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Pengenalan:
Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:



Tekanan darah tinggi



Kolesterol tinggi



Kencing manis



Kanser

Terdapat 4 program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:



Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:

1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak mempunyai perjanjian berterusan di pusat kesihatan atau klinik pakar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.



Pemeriksaan kanser kolorektal

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:

1. Berumur 50-75 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus); dan
3. Tidak menjalani ujian najis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.



Pemeriksaan kanser payudara

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:

1. Berumur 40-75 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser payudara; dan
3. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.



Pemeriksaan kanser serviks

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:

1. Berumur 25-65 tahun; dan
2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan
3. Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan
4. Tidak menjalani ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu

www.ppk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123





MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Isu Pengangguran, Keperluan Penyesuaian Kurikulum'. Tarikh Tutup : 6 Ogos 2025
2. 'Gaya Hidup Sihat Sebagai Asas Kesejahteraan Hidup'. Tarikh Tutup : 13 Ogos 2025
3. 'Kebaikan Menjadi Masyarakat Berdisiplin, Bertoleransi'. Tarikh Tutup : 20 Ogos 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
03 / KHEU / BTM / 2 / RFP / 2025
Reka Bentuk Laman Web
Berorientasikan Rakyat
(Citizen-Centric) dan Prototaip
Portal Perkhidmatan Digital
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 13 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang



**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
44 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2025
Supply And Delivery Of Portable
Projectors For Teaching And
Learning In Religious Schools,
Department Of Islamic Studies

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 13 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang



**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
47 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2025
Supply And Delivery Of Android
Tablets With Accessories For The
Blended Learning Project In
Schools Under Department Of
Islamic Studies,
Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 13 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

1. Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 61 / 25 - 26
Perkhidmatan Penggambaran
Dan Pos Produksi (Penyuntingan)
Rancangan Realiti,
Bahagian Rancangan TV

2. Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 62 / 25 - 26
Perkhidmatan Penggambaran
Dan Pos Produksi (Penyuntingan)
Rancangan Realiti,
Bahagian Rancangan TV

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas (Hardcopy) :
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 6 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang



Tajuk Sebut Harga:
1. RTB / K / 63 / 25 - 26
Perkhidmatan Penggambaran
Dan Pos Produksi (Penyuntingan)
Rancangan Majalah,
Bahagian Rancangan TV, RTB

2. RTB / K / 64 / 25 - 26
Perkhidmatan Penggambaran
Dan Pos Produksi (Penyuntingan)
Rancangan Majalah,
Bahagian Rancangan TV, RTB

3. RTB / K / 65 / 25 - 26
Perkhidmatan Penggambaran
Dan Pos Produksi (Penyuntingan)
Rancangan Majalah,
Bahagian Rancangan TV, RTB

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 6 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II & III

Kategori :
KA01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
22 Julai 2025

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
5 Ogos 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 17 / BKTGS /
2025-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Tanah
Susur Di Luar Pagar Sekolah
Sukan, Kementerian Pendidikan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**1. Sebut Harga Membekal
Dan Menghantar Toner /
Cartridge Printer**

**DA / JKSH / 77 / 2025 / 2026
[UPP-OGOS-2025]**
Sebut Harga Bagi Membekal Dan
Menghantar Toner / Cartridge
Printer Bagi Kegunaan Di Bawah
Kawalan Jabatan Pentadbiran
Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu, 16 Ogos 2025
(Jam 9.00 Pagi)

**2. Sebut Harga Membekal
Dan Menghantar Kertas**

**DA / JKSH / 78 / 2025 / 2026
[UPP-OGOS-2025]**
Sebut Harga Bagi Membekal Dan
Menghantar Kertas Bagi
Kegunaan Unit Perbekalan Dan
Stor, Bahagian Perkhidmatan
Kewangan Dan Perbekalan,
Jabatan Pentadbiran Dan
Perkhidmatan-Perkhidmatan,
Kementerian Pendidikan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 16 Ogos 2025
(Jam 9.00 Pagi)



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0005 / 2025 (R)

Tajuk Sebut Harga:
Supply Of Repair Work On
Fibreglass And HDPE Tanks To
Marine Biodiversity, Meragang

Tarikh Tutup:
Khamis, 21 Ogos 2025



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Iklan Tarikh Lanjutan

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / TU / TA
/ 02
Pembelian Alat-Alat Kelengkapan
Bagi Keperluan Pasukan Khas
Tentera Udara Diraja Brunei
(PASKTU)

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)



**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Pusat Kebangsaan E-Kerajaan,
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi**

Bilangan Tawaran:
EGNC / PM / 4.1 / 3.2025
Central Digitisation Contract
(CDC): The Provision of
Document Collection, Delivery,
Transportation, Sorting, Digital
Capture, Indexing, Migration,
Testing and Quality Inspection
of Digitisation Service

Tarikh Tutup:
Selasa, 9 September 2025



Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
satu minggu sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu Isnin, 5 Ogos 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 19 Ogos 2025
2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
14 / BBS / SH / 2025 - 2026

Keterangan Projek:
Repair Sunken Paver Block At Jalan
Pretty And Parking Area Near Stage
Buidling At Taman Persiaran,
Jalan Sungai, Kuala Belait.

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong
yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non Refundable)

Tarikh Tutup:
Selasa, 19 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang





**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
09 / JMM / S / 12 / 91
(2025 / 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Pengubahsuaian Di Bilik Server, Dewan Rujukan, Tingkat 1, Di Bangunan Arkib Negara Menjadi Bilik Pendigitalan Arkib

Tarikh Tutup:
Khamis, 21 Ogos 2025.



Bilangan Sebut Harga:
10 / JMM / S / 12 / 91
(2025 / 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Pembelian Untuk Membekal, Menghantar Dan Memasang 43 Inci Mudah Alih Dan Boleh Diputar Kios Android Skrin LED, Bangunan Arkib Negara, Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup:
Khamis, 21 Ogos 2025.



**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
AUD / BPK / UE / Q&T /
2025 – 2027 / 05

Tawaran Bagi "Kerja-Kerja Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Tempoh 24 Bulan (2 Tahun) Dari Bangunan Bahirah, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam Ke Tempat Pembuangan Sampah Yang Dikhaskan Oleh Pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam"

Tarikh Tutup:
Selasa, 5 Ogos 2025.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Pusat Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan**

Keterangan:
Expression Of Interest For The Design, Development, Migration, Deployment, Hosting, Integration, And Maintenance Of An Integrated Online Educational Resources Platform For The Ministry Of Education, Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
Percuma

Tarikh Tutup:
19 Ogos 2025
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / LTK / 2025 – 2026 / 05

Tajuk Tawaran:
Construction, Furnishing And Dismantling Of Brunei Darussalam Pavilion And Other Logistics For Taipei International Travel Fair,



7 – 10 November 2025,
Taipei, Taiwan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 12 Ogos 2025.
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / SDC /
TA / 01

Perkhidmatan Veterinary Kuda Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Rujukan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2024 / MAB /
TA / 007

To Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning of Battery Storage & Backup Generator at Bukit Biang, Ministry Of Defence, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 5 Ogos 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
12 Ogos 2025.
Jam 2.00 Petang.

Rujukan

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2025 / MED /
TA / 01

Pembelian Ubat-Ubat Demam, Batuk & Selsema Bagi Markas Khidmat Perubatan

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Rujukan

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2025 / TU /
TA / 03

Pembelian Towable Baggage Conveyor Belt Trailer Bagi Tentera Udara Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah dua minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 12 Ogos 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Ogos 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 56 / 25-26
Replacement Work for Main Entrance Door at Main Building, Radio Television Brunei Sungai Akar Broadcasting Complex

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 56 / 25-26
Renovation Works to the External Wall of the Sekretariat Building, Bandar Seri Begawan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 58 / 25-26
Demolition Works For Radio Television Brunei Berakas Barracks

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 59 / 25-26
Construction of a New Parking Area at Radio Television Brunei Broadcasting Complex, Sungai Akar

Bayaran Yuran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
6 Ogos 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
AUD / BPK / UE / Q&T /
2024-2025 / 05

Tawaran Bagi Kerja-Kerja Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Tempoh 24 Bulan (2 Tahun) Dari Bangunan Bahirah, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam Ke Tempat Pembuangan Sampah Yang Dikhaskan Oleh Pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 14 / 2025

Tajuk Tawaran:
Quotation For Removal Of Playground Equipment And Toilet Restoration At Taman Peranginan Pantai Sungai Liang

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
5 Ogos 2025.
(Selasa)



**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Sebut Harga
Bagi Mencetak, Membekal
Dan Menghantar
Cendera Hati Korporat
Berserta Kotak Ke
Kementerian Pengangkutan
Dan Infokomunikasi,
Jalan Menteri Besar,
Negara Brunei Darussalam.**

Rujukan Tawaran:
02 / STOR /
2025-2026

Tarikh Tutup:
Rabu,
6 Ogos 2025.
Jam 2.00 Petang.



Selasa,
5 Ogos 2025.
Jam 2.00 Petang.



MAJLIS KHATAM AL-QURAN BASMIDA SEMPENA HARI KEPUTERAAN



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

ANGGEREK DESA, Jumaat, 1 Ogos. - Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) melalui Kumpulan Dikir dan Tausyeh BASMIDA (Wanita) hari ini mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sebagai Majlis Kesyukuran bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025.

Pada majlis yang diadakan di Ibu Pejabat BASMIDA itu, seramai lima Ahli BASMIDA diraikan setelah berjaya menamatkan pembacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Yang Dipertua BASMIDA, Datin Dayang Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali semasa berucap menjelaskan bahawa acara khatam Al-Quran berkenaan adalah sebagai pesambah istimewa buat raja yang dikasihi bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-79.

"Acara ini menjadikan wadah untuk *kitani* menzahirkan kasih dan kesetiaan kepada Kebawah Duli



SEKITAR Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Ibu Pejabat Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) (atas dan atas kiri).

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Inilah satu lambang kesyukuran sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan menggambarkan jati diri selaku rakyat Brunei yang bersatu padu.

"Oleh itu marilah *kitani* selaku rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD) merafakkan doa Kehadapan Majlis baginda semoga Kebawah DYMM sentiasa berada di bawah pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, kekal karar memerintah NBD di bawah petunjuk dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala," ujar Datin

Dayang Hajah Masni.

Di samping itu, jelasnya, acara berkenaan juga dihasrat untuk mendorong Ahli-ahli BASMIDA untuk mengamalkan ajaran-ajarannya agar meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta menggalakkan para ahli membudayakan pembacaan Al-Quran dan menjadikannya amalan sepanjang hayat.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad dan disusuli dengan bacaan Takhtim beramai-ramai.

Manakala bacaan doa khatam dipimpin oleh Dayang Norsinah binti Haji Hidup dan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan NBD serta Doa penutup dibacakan oleh Dayang Asmah binti Paidin.

Majlis juga diselenggarakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan diikuti dengan bacaan Selawat Asar Jumaat, 80 kali.

Acara diakhiri dengan penyampaian cenderamata penghargaan yang disampaikan oleh Yang Dipertua BASMIDA kepada lima ahli pembaca 30 Juzuk dan 30 orang ahli yang membaca 1 Juzuk seorang.

Perwakilan DBP hadiri Perhimpunan Penulis Wanita Sastera Senusantara

Siaran Akhbar dan Foto : Dewan Bahasa dan Pustaka

BERAKAS, Jumaat, 1 Ogos. - Dua orang perwakilan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) diundang untuk menghadiri Perhimpunan Penulis Wanita Sastera Senusantara 2025 anjuran Ikatan Persuratan Melayu (IPM) gabungan GAPENA yang diadakan selama dua hari di Melaka, Malaysia.

Pegawai Bahasa DBP, Dayang Sharyanty binti Haji Mohd. Sharif juga selaku pembentang akan membentangkan kertas kerja bertajuk 'Peranan DBP Brunei dalam Menyatukan Identiti Serantau' dan Pembantu Pengarang DBP, Dayang Noralfizah binti Gombor@Mohd. Firdaus selaku peserta bertolak ke Kuala Lumpur hari ini bagi menghadiri undangan tersebut.

Program ini turut dihadiri oleh para penulis dan pengkaji sastera wanita dari seluruh Nusantara.

Sebelum menghadiri program berkenaan, Dayang Sharyanty mengongsikan dapatan hasil penelitian melalui pra pembentangan kendalian Unit HRD, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, DBP.

Pra pembentangan dihadiri oleh Pemangku Pengarah, Pemangku Timbalan Pengarah dan Ketua-ketua Bahagian DBP.



DUA wakil Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebelum berlepas menghadiri Perhimpunan Penulis Wanita Sastera Senusantara 2025.

Inisiatif dirikan gerai jualan jana ekonomi penduduk kampung



AKTIVITI bergotong-royong di kawasan berdekatan pusing keliling yang diwartakan (*gazette*) bagi tujuan sebagai tapak jualan (atas dan bawah).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Ihsan Majlis Perundingan Kampung Berserumpun Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor



MUKIM MENTIRI, Jumaat, 1 Ogos. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Berserumpun Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mukim Mentiri yang diketuai oleh Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad juga selaku Ketua Kampung berkenaan merancang untuk mengendalikan tapak atau gerai jualan bagi penduduk kampung tersebut demi menggalakkan perkembangan dunia perniagaan selain daripada menjana pendapatan masing-masing.

Justeru, MPK berkenaan dengan kerjasama para penduduk RPN telah mengukayahkan aktiviti gotong-royong di kawasan berdekatan pusing keliling yang telah diwartakan (*gazette*) bagi tujuan sebagai tapak jualan seperti yang dirancang.

Awang Faidil Rosemady menjelaskan, usaha itu antara perancangan bersama Ahli-ahli MPK untuk mewujudkan tapak gerai demi untuk mempromosi perniagaan para penduduk kampung Berserumpun Kawasan 4 yang sememangnya di bawah tadahan kawasan tersebut.

Beliau juga berharap semoga inisiatif yang dirancang itu terlaksana dengan lancar dan sempurna serta berterima kasih kepada mereka yang bertungkus-lumus menghulur kerjasama baik dari segi tenaga dan sebagainya demi untuk sama-sama memajukan kampung khususnya kawasan berkenaan.

Pihaknya, tambahnya akan nanti mengemas kini sebarang perkembangan mengenai tapak atau gerai jualan itu apabila pelaksanaannya selesai dan sedia untuk digunakan dengan mengikut terma dan syaratnya nanti.

MEMANTAPKAN MOTIVASI, FIKIRAN POSITIF DALAM MENGHADAPI PEPERIKSAAN



SESI bergambar ramai pada Ceramah Motivasi tersebut.

BELAIT, Rabu, 30 Julai. - Bagi meningkatkan motivasi para murid ini untuk berjaya dan mendorong ke arah daya usaha yang kuat untuk kecemerlangan, pihak Sekolah Tunas Jaya (STJ) PGGMB Kuala Belait menganjurkan Ceramah Motivasi bagi persiapan murid-murid Tahun 6 menghadapi peperiksaan.

Ceramah Motivasi tersebut telah mengumpulkan seramai 16 murid Tahun 6 dan juga 26 ibu bapa /

penjaga murid bagi sama-sama menjayakan lagi ceramah tersebut.

Guru Besar STJ PGGMB Kuala Belait, Dayang Fazziah binti Kamis menyatakan tujuan ceramah ini diadakan adalah untuk meningkatkan lagi motivasi dan sentiasa berfikir positif dalam menghadapi peperiksaan.

Selain itu, ia juga diadakan untuk melahirkan pelajar yang tekun belajar dan berusaha sedaya

upaya untuk mendapatkan keputusan peperiksaan yang cemerlang dan meningkatkan penglibatan serta sokongan ibu bapa / penjaga dalam pembelajaran anak-anak mereka di rumah.

Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri juga turut hadir selaku penceramah undangan dan seterusnya mengongsikan beberapa tip bagi persediaan para pelajar

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Tunas Jaya PGGMB

menghadapi peperiksaan.

Antara perkongsianannya ialah peranan ibu bapa / penjaga untuk sentiasa memastikan mengikuti pembelajaran anak-anak mereka semasa di rumah, sentiasa menjaga persiapan fizikal anak-anak, menjaga kesihatan mental mereka, menjaga emosi, mengadakan belajar secara berkumpulan, kurangkan penggunaan *gadget*, menjaga masa, sentiasa berdoa dan melakukan sembahyang setiap masa.

Semoga dengan ada sesi motivasi ini akan dapat meningkatkan keyakinan ibu bapa dan penjaga bagi sama-sama memastikan anak-anak mereka belajar bersungguh-sungguh di rumah.

Begitu juga diharapkan kepada murid-murid akan terus bermotivasi, berusaha dan rajin

meningkatkan prestasi pencapaian akademik masing-masing dari semasa ke semasa.



YANG Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri juga turut hadir selaku penceramah undangan.

Sentiasa waspada ketika memandu semasa musim perayaan



PADA musim perayaan ini, para pemandu diseru untuk sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya dan sentiasa meningkatkan kewaspadaan.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Julai. - Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, penduduk dan rakyat di negara ini gemar berkunjung ke pentas-pentas perayaan pada waktu malam yang diadakan di keempat-empat daerah bagi sama-sama memeriahkan lagi sambutan berkenaan.

Justeru, pada musim perayaan ini, para pemandu diseru untuk sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya dan sentiasa meningkatkan kewaspadaan seperti memakai tali pinggang keselamatan serta memeriksa kenderaan sebelum menggunakannya agar pengguna jalan raya lainnya berada dalam keadaan yang benar-benar selamat.

Sebagai pengguna jalan raya, orang ramai hendaklah sentiasa mematuhi peraturan selain sentiasa bersifat sabar, bertolak ansur, bertimbang rasa dan sentiasa berwaspada pada setiap masa terutama pada waktu tertentu seperti kesesakan jalan raya pada musim perayaan ini.

Selain itu juga, para pengguna jalan raya juga diingatkan supaya memastikan kenderaan dalam keadaan selamat untuk dipandu; sentiasa menjaga jarak kenderaan dengan kenderaan di hadapan dan tidak memandu kenderaan dalam keadaan keletihan dan mengantuk.

Patuhi segala peraturan lalu lintas yang dikuatkuasakan bagi mengelakkan kemalangan dan jika hendak meletakkan kereta, letakkan kereta di tempat yang dikhaskan serta lampu kereta dinyalakan semasa memandu dan sentiasa berwaspada terhadap keadaan jalan di hadapan.

Semua pengguna jalan raya dinasihatkan agar meningkatkan kewaspadaan dengan memberikan tumpuan dan perhatian sepenuhnya ketika memandu di jalan raya.

Pantau hal ehwal kebajikan pekerja



PEMERIKSAAN ke atas beberapa kegiatan *foodtruck* mendapati sebanyak 10 kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan.

dengan jawatan yang dibenarkan iaitu pekerja berjawatan penolong tukang masak melakukan pekerjaan sebagai menjual nasi katok dan menempatkan pekerja asing di kegiatan *foodtruck*.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti majikan hendaklah membayar gaji pekerja-pekerja secara penuh dan membayar gaji kerja lebih masa dan majikan hendaklah memberikan cuti rehat sehari dalam seminggu serta memberikan cuti hari kelepasan awam yang diwartakan.

Seterusnya, memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan, tidak menggaji pekerja asing jaminan syarikat lain, pekerja hendaklah melakukan pekerjaan yang selaras dengan jawatan yang dibenarkan dan pekerja asing tidak dibenarkan ditempatkan di kegiatan *foodtruck*.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah menghubungi Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

rehat dan Bab 70, gagal memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan.

Seterusnya, Bab 71, gagal memberikan cuti tahunan; Bab 72, gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan; Bab 86, tempat kegiatan bukan di tempat yang diisytiharkan dan dibenarkan oleh jabatan dan Bab 112(2), menggaji pekerja asing tanpa Lesen dari Pesuruhjaya Buruh yang mana majikan didapati menggaji pekerja asing jaminan syarikat lain berjawatan sebagai pelayan.

Kemudian, dua kesalahan Bab 112(2), kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing yang mana pekerja asing didapati melakukan pekerjaan tidak selaras

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Julai. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Waspada 145 / 2025 di beberapa tempat di kawasan Daerah Brunei dan Muara pada 24 Julai 2025, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas beberapa kegiatan *foodtruck* telah mendapati sebanyak 10 kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan iaitu di bawah Bab 39(2), gagal membayar gaji kerja lebih masa; Bab 63, gagal memberikan cuti rehat; Bab 64, bekerja pada hari

OPERASI PANYAP TEMUKAN PELBAGAI KESALAHAN IMIGRESEN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Julai. - Dalam menguatkuasakan akta dan peraturan yang dipertanggungjawabkan di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) termasuk Akta Anti Perdagangan Orang, Penggal 230 dan Akta Pencegahan Penyeludupan Orang, Penggal 229, JIPK melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-undang telah pun melaksanakan dua Operasi Panyap yang menyasarkan kepada dua lokasi berasingan di Daerah Brunei dan Muara.

Semasa Operasi Panyap 74/2025 yang menyasarkan sebuah rumah di Mukim Serasa, di mana empat orang warganegara asing telah pun diperiksa yang

mana kesemuanya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut setelah gagal untuk mengemukakan dokumen yang sah.

Melalui hasil operasi mendapati, seorang daripada warganegara asing berkenaan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 35(1), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bersubahat melakukan kesalahan imigresen; dan manakala tiga orang daripadanya juga dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal.

Dalam Operasi Panyap 75/2025 yang menyasarkan kompleks perniagaan di Mukim Gadong 'A' mendapati seorang warganegara

OPERASI Panyap menyasarkan kepada dua lokasi berasingan di Daerah Brunei dan Muara.

asing telah pun diperiksa yang kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 8(2)(g), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu melakukan kegiatan meminta sedekah.

JIPK turut mengongsikan satu sesi pendakwaan yang telah dijalankan di bawah Akta Imigresen, Penggal 17 dan Akta Pasport, Penggal 146.

Sesi pendakwaan terhadap Ngu Choon Chin, seorang lelaki warganegara Malaysia berumur 48 tahun merupakan kes peralihan daripada pihak Pasukan Polis Diraja Brunei, Cawangan Kuala Belait.

Individu berkenaan telah pun



dijatuhkan hukuman penjara selama empat bulan dan tiga kali sebatan setelah mengaku bersalah bagi kesalahan di bawah Bab 6(1)(c), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu masuk dan tinggal di negara ini tanpa memiliki Pas Imigresen yang sah dan kesalahan di bawah Bab 3(1), Akta Pasport, Penggal 146 iaitu kegagalan untuk menyerahkan pasport kepada Pegawai Imigresen yang bertugas

semasa hendak masuk ke negara ini. Hukuman mula berkuatkuasa pada 17 Julai 2025.

Jabatan ini mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah Imigresen dengan menghubungi ke talian Hotline JIPK melalui talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

Operasi sepadu mengeluarkan 2 notis amaran, 1 kompaun



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

TUTONG, Rabu, 30 Julai. - Sebanyak tiga buah premis perniagaan didapati melanggar Akta Kawalan Harga, Penggal 142 semasa operasi sepadu yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) di

bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi, di Daerah Tutong baru-baru ini.

Selain daripada penguatkuasaan rutin harian, operasi sepadu JPES bersama Unit SDT adalah kerja penguatkuasaan secara bulanan yang dijalankan sebagai usaha dalam mewujudkan iklim perniagaan yang beretika dengan memastikan kepatuhan peniaga



OPERASI sepadu dijalankan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi, di Daerah Tutong (atas dan kiri).

terhadap perundangan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, serta Akta Sukatan dan Timbangan Penggal 151.

JPES telah mengeluarkan dua notis amaran kepada dua syarikat masing-masing atas kesalahan tidak mempamerkan tanda harga bagi beberapa barangan yang dijual di dalam premis perniagaan dan satu kompaun berjumlah BND500 kepada Syarikat

Perusahaan Cap Udang kerana ketidakpatuhan terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 iaitu menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi beberapa produk susu tepung formula anak damit.

Sementara itu, Unit SDT mendapati bahawa semua premis perniagaan yang telah diperiksa mematuhi sepenuhnya Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151.

Peniaga diingatkan untuk sentiasa mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dalam membantu membangunkan persekitaran perniagaan yang wajar dan mampan serta memberi manfaat kepada pengguna dan peniaga amnya, dengan menjalankan perniagaan yang beretika.

Peniaga turut diingatkan untuk memastikan alat-alat sukatan dan timbangan yang digunakan bagi aktiviti jual beli mempunyai pelekat pendaftaran yang mengandungi tempoh penggunaan yang sah yang dikeluarkan oleh Unit SDT di bawah Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151.

Dalam pada itu, pengguna digalakkan untuk mengamalkan amalan 'Pengguna Bijak' semasa membeli-belah dengan membuat perbandingan harga serta melaporkan aduan secara rasmi dengan menyertakan dokumen sokongan, kepada agensi-agensi berkenaan, jika terdapat amalan perniagaan yang tidak wajar melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES: Talian Darussalam 123; atau e-mel: aduanpengguna@jpes.gov.bn; dan Unit SDT, IBE: Nombor talian +673 2334092; atau e-mel: sdt@mofe.gov.bn.

BIBDS, Avaloq jalin kerjasama tingkatkan pengurusan kewangan

Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam Berhad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Julai. - BIBD Securities Sdn. Bhd. (BIBDS), anak syarikat milik Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) dan sebahagian daripada kumpulan kewangan terbesar di Brunei, telah berjaya memindahkan operasi pengurusan kekayaan ke platform Avaloq.

Langkah ini menandakan pencapaian penting dalam perjalanan transformasi digital BIBD, membolehkan BIBDS menawarkan perkhidmatan pelaburan yang diperibadikan dan mematuhi syariah kepada pangkalan pelanggan yang semakin berkembang.

Platform Avaloq kini berfungsi sebagai sistem teras pengurusan kekayaan bagi tawaran pelaburan

Islamik dan perkhidmatan broker saham BIBDS.

Setelah disepadukan dengan Olive, ekosistem kewangan digital Kumpulan BIBD, platform Avaloq akan dapat mengautomasi fungsi-fungsi penting seperti pendaftaran pelanggan, penilaian risiko, semakan kawal selia dan pelaporan.

Ia juga menyatukan fungsi pejabat dalaman pada satu platform - meningkatkan kecekapan operasi dan menyokong penyampaian perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan boleh ditingkatkan di seluruh Brunei dan rantau Asia Pasifik.

Dengan lebih daripada USD8.0 bilion aset dan lebih daripada 345,000 pelanggan, Kumpulan BIBD terus berinovasi dengan

menyediakan platform dan penyelesaian baharu untuk memenuhi permintaan pelabur yang semakin meningkat untuk penyelesaian pengurusan kekayaan beretika dan patuh syariah, portfolio yang pelbagai serta akses lancar kepada pelbagai produk perbankan dan pelaburan Islam.

Dengan menggunakan Avaloq, BIBDS boleh mendapat manfaat daripada pemrosesan terus (*straight-through processing* - STP) untuk urus niaga dan pembiayaannya, peningkatan perkhidmatan serta model data bersatu yang memastikan maklumat yang konsisten dan berkualiti tinggi merentasi semua operasi.

Seni bina terbuka Avaloq dan keupayaan integrasi yang mantap juga membolehkan sambungan lancar dengan sistem pihak ketiga

dan rakan kongsi FinTech, sekali gus mempercepatkan inovasi dan pelancaran perkhidmatan digital baharu.

Pengarah Urusan di BIBDS, Jason Wong berkata "Kerjasama kami dengan Avaloq menyokong usaha kami dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan kekayaan bertaraf dunia yang disesuaikan yang sejajar dengan nilai-nilai Islam.

"Dengan memanfaatkan platform Avaloq, kami dapat menawarkan penyelesaian pelaburan yang diperibadikan kepada pelanggan kami sambil menyokong Wawasan Brunei 2035 untuk membina ekonomi digital yang dinamik dan mampan.

Transformasi ini juga menyokong aspirasi Kumpulan BIBD ke arah penyedia perkhidmatan dan penyelesaian

digital yang lebih mantap. Kami mengharapkan perkongsian berterusan dengan Avaloq".

Pengarah Serantau untuk Asia Selatan di Avaloq, Vibhooti Chaturvedi berkata, "Kami berbangga untuk menyokong aspirasi BIBDS dalam cita-citanya untuk menjadi peneraju dalam pengurusan kekayaan Islam.

"Pelancaran ini menandakan pelanggan pertama Avaloq di Brunei dan satu perkembangan besar kehadiran kami di Asia Tenggara. Ini adalah detik yang menggembirakan selepas termeterainya kerjasama kami dengan BIBDS pada tahun lalu.

"Platform Avaloq membolehkan BIBDS mempertingkatkan operasinya, melancarkan produk dan perkhidmatan baharu dengan lebih cepat serta memberikan pengalaman pengurusan kekayaan yang luar biasa".



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

MAJLIS Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga terus komited menyahut aspirasi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui pelaksanaan inisiatif Satu Kampung Satu Produk (1K1P) dengan menumpukan kepada penghasilan produk berasaskan makanan tradisional iaitu Keropok Udang.

Sebagai langkah awal, MPK Sungai Bunga telah menghantar seramai 15 orang penduduk kampung, termasuk lima beliawanis, bagi mengikuti Kursus Pemprosesan Keropok Udang anjuran Jabatan Perikanan.

Hasil positif daripada penyertaan tersebut membuktikan keberkesanan latihan yang diberikan apabila para peserta berjaya menghasilkan produk sendiri, seterusnya didaftarkan sebagai produk rasmi 1K1P kampung.

Ketua kampung pemacu usaha

Kejayaan ini tidak dapat dipisahkan daripada peranan aktif Ketua Kampung Sungai Bunga sendiri, Awang Zaini bin Haji Salleh, yang menjadi pencetus utama dan penggerak kepada inisiatif tersebut.

Sejak menjawat jawatan sebagai Setiausaha MPK merangkap Ketua Biro Perekonomian dan Pelancongan pada tahun 2013, beliau telah memainkan peranan penting dalam membentuk hala tuju ekonomi kampung ke arah yang lebih berdikari.

Penglibatan komuniti kampung

Pada peringkat awal pelaksanaan, para peserta dikumpulkan dalam satu kumpulan dan masing-masing menyumbang modal kecil sebagai permulaan.

Setelah produk mendapat sambutan memberangsangkan, mereka yang sudah mampu berdikari digalakkan untuk menubuhkan perusahaan keropok sendiri di bawah bimbingan dan pemantauan MPK.

MPK Sungai Bunga juga aktif menganjurkan kursus dan bengkel berbayar dalam bidang pemprosesan makanan lain seperti nuget ikan dan ayam, bebola ikan, kek ikan (*fish cake*), susu kacang soya, taufu fah, tauhu, keropok bayam dan pelbagai lagi.

Bengkel berbayar diperkenalkan bagi memastikan kesungguhan peserta yang benar-benar ingin belajar dan menjadikan kemahiran ini sebagai satu pendapatan.

Manfaat kepada komuniti

Impak ketara daripada inisiatif ini dapat dilihat apabila beberapa peserta berjaya menjadikan perusahaan Keropok Udang sebagai sumber pendapatan utama keluarga.

Secara tidak langsung, usaha ini turut menyumbang semula kepada komuniti dalam bentuk bantuan keperluan asas kepada keluarga daif, anak yatim dan mereka yang memerlukan.

MPK turut menyediakan pelbagai bentuk sokongan berperingkat kepada pengusaha termasuk bimbingan dalam teknik pemprosesan, pengurusan kewangan, penyediaan label produk dan sebagainya.

Komitmen dan kesungguhan daripada bakal pengusaha amat penting bagi memastikan kejayaan jangka panjang.

Cabaran dan penyelesaian

Antara cabaran yang dihadapi termasuk usaha menyeragamkan mutu dan rasa produk kerana pesanan dalam jumlah besar biasanya diborong oleh MPK.

Cabaran lain ialah mengubah sikap sesetengah penduduk yang masih bergantung kepada bantuan kebajikan bulanan serta kurang daya tahan dalam menghadapi realiti dunia keusahawanan.

Bagi mengatasi isu tenaga kerja, MPK menawarkan peluang kepada penduduk kampung untuk melakukan kerja dari rumah seperti mengupas udang, dengan kadar upah yang bersesuaian.

Sementara itu, bekalan bahan mentah seperti udang diperoleh daripada nelayan tempatan, sekali gus membantu mereka memasarkan hasil tangkapan tanpa perlu bergantung kepada pasaran luar atau orang tengah.

Harapan dan perancangan masa depan

MPK Sungai Bunga kini merancang untuk membuka cawangan perusahaan di

negara jiran bagi memenuhi permintaan pasaran luar negara dengan kos pengeluaran yang lebih rendah.

MPK juga berharap agar golongan belia menanam semangat berdikari dan meneroka bidang keusahawanan sejak awal usia.

"Jangan mudah berputus asa walaupun percubaan pertama dan kedua masih belum berjaya. Percayalah bahawa kejayaan akan hadir setelah menghadapi kegagalan," jelas Dayang Serinah binti Haji Tarang / Wahab yang merupakan isteri kepada Ketua Kampung Sungai Bunga dan Pengasas Seri Tanjung, sebuah program perkhidmatan perniagaan yang menghasilkan produk di bawah MPK Sungai Kebun.

Sebagai langkah jangka panjang, MPK Sungai Bunga berhasrat menjadikan kampung ini sebagai 'Kampung Keropok' yang dikenali di peringkat nasional. Ini bakal membuka lebih banyak peluang termasuk dalam sektor pelancongan menerusi program lawatan sambil belajar (*study tour program*).

Pakej ini dijangka merangkumi demonstrasi pemprosesan keropok, pengenalan budaya dan cara hidup masyarakat kampung.

Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan taraf hidup penduduk tetapi juga memperkukuh jati diri dan semangat berdikari dalam kalangan komuniti kampung.

MPK Sungai Bunga membuktikan bahawa dengan perancangan yang rapi, kerjasama dan semangat kebersamaan, kejayaan boleh dikecapi bersama.





Menggapai Wawasan Brunei 2035 melalui Modul Keusahawanan Halal

Oleh : Nor Surilawana Sulaiman, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Ihsan Ak. Muhd. Arshrul Waie Pg. Amirrulzam

SIRI PERTAMA

DALAM era globalisasi dan persaingan ekonomi yang semakin sengit, Negara Brunei Darussalam (NBD) terus berusaha memperkukuh ekonomi negara melalui pelbagai inisiatif strategik. Dalam usaha memperkasakan generasi muda negara ke arah menjadi pemangkin pembangunan ekonomi yang berteraskan nilai Islam, acara Halalpreneurs Days telah diadakan pada 2 hingga 3 Julai 2025, baru-baru ini. Acara tersebut telah dianjurkan dengan penuh jayanya, menghimpunkan sebanyak 58 produk inovatif hasil cetusan gagasan idea 58 orang pelajar yang mengikuti modul kursus Halal Entrepreneurship. Program ini dilaksanakan dengan membawa gagasan utama konsep 1 Produk 1 Pelajar yang menekankan kepada pembentukan produk halal secara menyeluruh, daripada peringkat perancangan hingga ke pelaksanaan dan penjualan, sekali gus menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035 dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Program ini merupakan satu inisiatif strategik ke arah menyemai serta memperkukuh semangat keusahawanan Islamik dalam kalangan pelajar, sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan generasi yang bukan sahaja berpengetahuan, tetapi juga berkemahiran

tinggi, kreatif, dan berdaya saing dalam persekitaran ekonomi semasa yang sentiasa berubah.

Menyemai semangat keusahawanan melalui pendidikan

Modul Halal Entrepreneurship merupakan salah satu kursus yang diperkenalkan dalam Program Sarjana Muda Sains Halal di Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Modul ini telah menerapkan satu pendekatan holistik yang menggabungkan ilmu teori dengan amalan praktikal dalam pembangunan produk halal. Ia menumpukan kepada aspek-aspek penting seperti inovasi produk, pematuhan Syariah, perniagaan yang beretika, serta penggunaan strategi pemasaran 4P (Price, Product, Place & Promotion).

Pelaksanaan modul ini membawa misi tersendiri, iaitu untuk memupuk semangat keusahawanan sejak di bangku pengajian lagi, di samping menanam nilai integriti, kebolehppercayaan, dan tanggungjawab sosial dalam kalangan pelajar. Melalui penghasilan produk sebenar yang dikomersialkan, para pelajar didedahkan kepada cabaran dunia perniagaan yang sebenar dalam persekitaran yang terarah dan terkawal.

"Modul ini bukan sekadar pameran atau jualan, tetapi juga medan latihan sebenar untuk pelajar merasai dunia perniagaan, menghadapi cabaran, kesiapan dan kejayaan mereka sendiri, yang merupakan proses pembelajaran yang sangat berharga," ujar Dayang Nor Surilawana binti Sulaiman, merupakan Pensyarah dan Penyelaras bagi modul ini. Pendekatan ini diyakini mampu

melahirkan usahawan muda yang berdaya saing dan beretika, seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan sektor halal tempatan dan serantau.

Titah Kebawah DYMM : Inspirasi kepimpinan dan pembangunan modal insan

Penganjuran Halalpreneurs Days ini juga merupakan tindakan langsung dalam menyahut titah dan saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam titah baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Hari Keputeraan baginda Ke-78 di Istana Nurul Iman, menekankan bahawa golongan belia adalah tonggak yang sangat diharapkan kerana di atas bahu mereka turut dibebankan tanggungjawab mencorakkan masa depan negara. "Mereka terus diberikan peluang untuk menjadi penggerak dan pemacu perubahan. Itulah peranan dan tanggungjawab golongan belia," tegas baginda.

Baginda menyeru agar golongan belia berani mengambil inisiatif, berwawasan jauh, dan bersedia memimpin pembangunan negara dalam pelbagai bidang, termasuk ekonomi dan keusahawanan.

Selain itu, "...serta mengadakan latihan terkini untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan," tekan baginda. Jelaslah, titah ini menjadi panduan utama dalam merangka program-program pembangunan modal insan menerusi sistem pendidikan dan latihan yang inovatif, mengukuhkan kemahiran dan kebolehpasaran anak-anak tempatan termasuk belia, sejajar dengan keperluan industri, ekonomi dan badan profesional serta relevan dengan keperluan semasa.

Di samping itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengalu-alukan para belia untuk menyahut seruan kerajaan agar menceburkan diri dalam bidang keusahawanan lebih-lebih lagi dalam usaha memperkasakan ekonomi negara. Perkara tersebut pernah ditekankan menerusi titah baginda pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah pada tahun 2016.

Bidang keusahawanan ini bukanlah satu hal yang baru, malah baginda telah menekankannya sejak satu dekad yang lalu. Kebawah DYMM telah bertitah sempena Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-11 Majlis Mesyuarat Negara 2015 :

"Satu lagi bidang yang penting untuk diberikan perhatian ialah bidang keusahawanan. Ia mustahak seimbang, dalam makna, ia tidak boleh diceburi hanya oleh segelintir pihak tertentu sahaja, tetapi biarlah ramai, kerana ramai itu menterjemahkan adanya kemajuan."

"Para usahawan mesti bergerak mengembangkan pemiagaan dan industri masing-masing tanpa terhenti setakat tangga pertama sahaja, tetapi perlu mendakinya sehingga sampai ke puncak".

Tambahan lagi, titah baginda menekankan untuk menjadikan Brunei sebagai 'Hab Halal Global' yang akan membantu memacu pertumbuhan ekonomi negara, semasa Majlis Hafut Takharuj Ke-6 UNISSA bagi Tahun 2016 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, NBD.

Jadi, dengan menyahut titah-titah ini, PPHT khususnya berharap dapat melahirkan keusahawanan halal. Ia merupakan satu bidang yang semakin mendapat perhatian di peringkat global, dilihat sebagai peluang strategik untuk generasi muda Brunei mengembangkan potensi mereka. Dengan mematuhi prinsip-prinsip Islam dan mengutamakan nilai kehalalan, usahawan muda mampu membina pemiagaan yang bukan sahaja menguntungkan, tetapi juga beretika dan lestari.



KEGIATAN TIDAK BERMORAL BERJAYA DITUMPASKAN

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Julai. - Hasil daripada maklumat awam dan pemantauan yang dijalankan oleh Unit Siasatan Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat (USPPPM), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) baru-baru ini melaksanakan satu serbuan pada waktu petang di sebuah bilik sewa dalam sebuah

bangunan perniagaan di kawasan Kampung Rimba Gadong.

Dalam operasi berkenaan, pihak Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah berjaya menahan seorang wanita warganegara tempatan berumur 24 tahun yang disyaki terlibat dalam kegiatan tawaran perkhidmatan seks.

Suspek dan kesemua barang

rampasan, iaitu sebuah telefon bimbit dan wang tunai, ditahan dan dibawa ke JSJ untuk tindakan dan siasatan selanjutnya.

Kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 294A Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22, atas kesalahan menawarkan khidmat seks.

PPDB ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada seluruh lapisan masyarakat agar sentiasa menjauhkan diri daripada terlibat dalam sebarang bentuk kegiatan tidak bermoral seperti pelacuran, perjudian dan aktiviti lain yang melanggar undang-undang negara.

Sebarang maklumat atau aduan boleh disalurkan melalui Talian Kecemasan Polis 993 atau balai polis berhampiran.



PASUKAN Polis Diraja Brunei berjaya menahan seorang wanita warganegara tempatan yang disyaki terlibat dalam kegiatan tawaran perkhidmatan seks.

Operasi pencegahan jenayah berjaya merampas barang tegahan



BARANG-barang tegahan yang berjaya dirampas pada dua operasi berkenaan (atas dan bawah kanan). Manakala gambar atas kanan, hasil pemeriksaan di kawasan bawah rumah dan semak berhampiran telah menemukan beberapa kotak yang mengandungi barang tegahan.

BANGAR, Khamis, 31 Julai. - Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah melaksanakan dua operasi pemantauan dan pencegahan jenayah hasil maklumat serta risikan berterusan di sekitar kawasan Bangar dan Kampung Bekarut, Daerah Temburong.

Dalam operasi pertama yang dijalankan sekitar jam 2.40 pagi, sepasukan anggota Balai Polis Bangar telah mengesan sebuah kenderaan dalam keadaan mencurigakan di kawasan Bangar.

Kenderaan tersebut berjaya ditahan bersama dua orang lelaki warganegara tempatan berumur 29 tahun dan 28 tahun. Pemeriksaan lanjut mendapati kenderaan berkenaan membawa barang-barang yang tidak diisytiharkan, iaitu 12 kotak (144

paket) tongkeng ayam dan satu paket rokok.

Sementara itu, dalam operasi kedua kira-kira jam 3.20 pagi, pasukan yang sama turut menerima maklumat awam mengenai aktiviti mencurigakan di sebuah rumah di Kampung Bekarut, Temburong.

Pemeriksaan teliti di kawasan bawah rumah dan semak berhampiran telah menemui beberapa kotak yang dipercayai mengandungi barang tegahan. Pemeriksaan selanjutnya mendapati tiada individu berada di dalam rumah tersebut.


Pemeriksaan ke atas kotak-kotak berkenaan menemui beberapa barang tegahan, iaitu empat kotak sayap ayam, 16 kotak (192 paket) tongkeng ayam, sembilan kotak (54 paket) itik dan

dua kotak hati buayah.

Suspek-suspek dan kesemua barang rampasan daripada kedua-dua operasi berkenaan telah diserahkan kepada pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) bagi siasatan dan tindakan selanjutnya.

PPDB ingin mengingatkan orang ramai bahawa penglibatan dalam kegiatan penyeludupan barang tegahan seperti makanan beku, rokok dan sebagainya adalah satu kesalahan yang serius di sisi undang-undang negara.

Perbuatan ini bukan sahaja melanggar undang-undang, malah boleh mendatangkan risiko kepada kesihatan awam serta menjejaskan keselamatan dan ekonomi negara. Kerjasama semua pihak amat penting demi memelihara keselamatan negara.





POLIS TAHAN DUA BERADIK, RAMPAS PISTOL DAN PELURU

IPOH, 31 Julai. - Polis menahan dua lelaki selepas menemukan sepucuk revolver .38 Smith & Wesson bersama peluru hidup di sebuah rumah dua tingkat di Kampung Belakang Pasar, Bidor semalam.

Ketua Polis Daerah Tapah, Supt Johari Yahya berkata polis bertindak ke rumah itu selepas menerima laporan orang awam yang terdengar bunyi letupan kira-kira 9.20 malam di lokasi itu.

"Pemeriksaan di rumah terbabit menjumpai sepucuk revolver .38 Smith & Wesson, empat peluru hidup serta satu kelongsong berada di dalam chamber di bawah tilam.

"Selain itu, terdapat kesan serpihan selak peluru di ruang tamu bahagian atas dan bawah rumah dipercayai akibat daripada tembakan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata adik-beradik berusia 45 dan 46 tahun itu

didapati memiliki enam rekod jenayah serta empat rekod berkaitan narkotik.

Seorang daripada mereka positif dadah jenis methamphetamine dan kedua-duanya kini direman hingga 6 Ogos ini untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 8 Akta Senjata Api Penalti Lebih Berat 1971, Seksyen 8(a) Akta Senjata 1960 dan Seksyen 39 akta sama.

"Polis meminta orang ramai yang mempunyai sebarang

maklumat berkaitan kejadian tampil ke balai polis berhampiran atau menghubungi Pegawai Penyiasat Inspektor

Nurfarah Idayu Mazlan melalui talian 05-4011222 untuk membantu siasatan," katanya. - ©BERNAMA

Kemudahan nuklear stabil selepas gempa bumi Rusia - IAEA

VIENNA, 31 Julai. - Badan pemantau nuklear Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada Rabu memaklumkan bahawa keadaan di kemudahan nuklear di sepanjang pantai Pasifik Jepun serta Loji Kuasa Nuklear Zaporizhzhia (ZNPP) kekal stabil selepas gempa bumi kuat melanda perairan timur Rusia, lapor

Xinhua.

Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) dalam satu kenyataan di platform X memaklumkan bahawa pihaknya terus berhubung dengan pihak berkuasa di Jepun berhubung kejadian gempa bumi dan tsunami yang tercetus.

Menurut penilaian awal, tiada

kesan keselamatan dikesan ke atas loji kuasa nuklear di sepanjang pantai Pasifik Jepun, menurut IAEA.

Bagi kemudahan di ZNPP, pasukan IAEA mengesahkan tiada perubahan dikesan membabitkan paras radiasi di tapak berkenaan, menurut Ketua Pengarah IAEA Rafael Grossi. - ©BERNAMA

Bekas Presiden Colombia Uribe didapati bersalah atas kesalahan rasuah dan penipuan

MEXICO CITY, 30 Julai. - Bekas Presiden Colombia, Alvaro Uribe didapati bersalah atas kesalahan merasuah saksi dan melakukan penipuan prosedur semasa prosiding jenayah, kata Hakim Sandra Liliana Heredia.

Kes ini dimulakan oleh Senator Ivan Cepeda Castro, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Dua kesalahan yang diklasifikasikan sebagai penipuan prosedur dilakukan melalui petisyen palsu yang difailkan kepada Mahkamah Agung sebelum keputusan pada 16 Februari 2018 yang menolak untuk memulakan prosiding jenayah terhadap Ivan Cepeda Castro, serta petisyen susulan untuk membatalkan keputusan itu," kata hakim semasa perbicaraan, menurut petikan yang disiarkan oleh Caracol Radio.

Pada Isnin, mahkamah mendapati Uribe bersalah atas campur tangan dengan saksi berkaitan kes itu. Uribe kini menjadi bekas presiden pertama dalam sejarah Colombia yang disabitkan dengan kesalahan jenayah di mahkamah.

Pendakwaan jenayah terhadap Uribe bermula pada 2018, apabila Mahkamah Agung menolak permohonannya untuk menyaman Cepeda. Sebaliknya, mahkamah membuka siasatan terhadap Uribe atas tuduhan mengatur keterangan palsu.

Siasatan mendapati yang peguam Uribe, Diego Cadena bertemu individu disabitkan kesalahan dengan tawaran untuk memberi keterangan terhadap Cepeda bagi menjatuhkan kredibiliti beliau dan menutup kes terhadap Uribe.

Senator Cepeda dianggap

mangsa dalam perbicaraan ini. Pada 2012, Cepeda menyerahkan bukti kepada mahkamah yang mendakwa Uribe dan sekutunya mempunyai kaitan dengan kumpulan militan. Uribe kemudiannya memfailkan tuntutan balas terhadap Cepeda.

Mahkamah akan menentukan hukuman Uribe dalam beberapa minggu akan datang dan beliau berdepan hukuman penjara antara enam hingga 12 tahun atas dua kesalahan itu.

Uribe, yang kini berusia 73 tahun, memimpin Colombia dari 2002 hingga 2010 dan masih menjadi pemimpin parti sayap kanan Democratic Centre serta tokoh berpengaruh dalam politik negara. Di mahkamah, Uribe menafikan semua tuduhan dan meminta pembebasan penuh, dengan mendakwa bukti dipalsukan. - ©BERNAMA

Kemboja hargai peranan Malaysia percepat gencatan senjata, tegas patuhi perjanjian

PHNOM PENH, 30 Julai. - Kemboja menyatakan komitmen teguh untuk menyelesaikan konflik sempadan dengan Thailand serta merakamkan penghargaan kepada Malaysia kerana menyegerakan mesyuarat khas antara kedua-dua negara jiran itu di Putrajaya pada Isnin.

Malaysia menghantar delegasi ke Kemboja semalam, diketuai Panglima Angkatan Tentera Malaysia Jeneral Tan Sri Mohd Nizam Jaffar, bagi memantau pelaksanaan perjanjian gencatan senjata.

"Kemboja merakamkan penghargaan mendalam kepada Malaysia, selaku Pengerusi ASEAN semasa atas tindakan pantas menghantar delegasi yang diketuai panglima angkatan tentera ke Thailand dan Kemboja.

"Bagi membincangkan pembangunan mekanisme

terperinci untuk pelaksanaan, pengesahan dan pelaporan gencatan senjata," menurut Kementerian Luar dan Kerjasama Antarabangsa Kemboja semalam.

Pegawai Malaysia berada di Phnom Penh bagi menyelaras pelaksanaan gencatan senjata dan pemulihan keadaan seperti biasa di kawasan sempadan utara Kemboja yang terjejas akibat konfrontasi bersenjata sejak 24 Julai.

Kemboja dan Thailand bersetuju menghentikan semua tindakan ketenteraan berkuat kuasa tengah malam Isnin, susulan mesyuarat khas yang diusahakan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Amerika Syarikat merupakan penganjur bersama mesyuarat itu manakala China bertindak sebagai pemerhati.

"Kemboja amat berharap agar pasukan pemerhati berkecuali

yang bertanggungjawab memantau, mengesahkan dan memudahkan pelaksanaan penuh gencatan senjata dapat ditubuhkan segera, selaras dengan ketetapan mesyuarat khas di Putrajaya," menurut kenyataan itu lagi.

Kementerian itu turut menegaskan bahawa Kemboja menolak sekeras-kerasnya sebarang tuduhan mengelirukan dan direka-reka yang memutarbelitkan fakta di lapangan serta mengancam kepercayaan dan dialog yang penting bagi keamanan berkekal.

"Kemboja mengulangi bahawa ia tidak mempunyai niat - sekarang atau pada masa hadapan - untuk melanggar gencatan senjata. Matlamat utama kami ialah memastikan keamanan bukan sahaja wujud, tetapi berkekal demi manfaat kedua-dua negara dan kestabilan serantau," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

Lebih 10,000 orang dipindahkan di selatan Myanmar susulan banjir

YANGON, 31 Julai. - Seramai 10,395 orang dipindahkan ke 24 pusat pemindahan sementara akibat banjir melanda kawasan Hpa-an di negeri Kayin, lapor Xinhua memetik siaran stesen Radio dan Televisyen Myanmar pada Rabu.

Pemindahan dilaksanakan pada Rabu oleh anggota jawatankuasa pengurusan bencana, pasukan bomba, Persatuan Palang Merah Myanmar serta pertubuhan berasaskan komuniti, selepas paras air Sungai Thanlwin melepasi tahap bahaya ekoran hujan lebat.

Menurut Jabatan Meteorologi dan Hidrologi Myanmar pada Khamis, paras air sungai di Hpa-an meningkat kepada 1.8 meter melebihi paras bahaya dan dijangka kekal berisiko untuk tempoh sekurang-kurangnya satu hari lagi.

Kerajaan Negeri Kayin bersama para penyumbang kini menyediakan bekalan makanan asas, manakala Kementerian Kesihatan turut menyalurkan perkhidmatan rawatan dan bantuan perubatan, menurut laporan itu. - ©BERNAMA

IMF naikan unjuran pertumbuhan ekonomi global berikutan tarif rendah, rangsangan fiskal

WASHINGTON, 30 Julai. - Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menaikkan unjuran pertumbuhan ekonomi global untuk 2025 kepada tiga peratus, iaitu peningkatan sebanyak 0.2 mata peratusan, lapor agensi berita Jerman dpa.

Bagi 2026, IMF kini menjangkakan pertumbuhan global sebanyak 3.1 peratus, sedikit lebih tinggi daripada anggaran sebelumnya iaitu tiga peratus.

Menurut IMF pada Selasa, peningkatan unjuran ini didorong oleh aktiviti perniagaan yang kukuh menjelang tarif yang dijangka dikenakan, tarif yang lebih rendah daripada yang dibimbangi akan dikenakan Amerika Syarikat (AS), keadaan kewangan yang bertambah baik (sebahagiannya disebabkan oleh kelemahan dolar), serta rangsangan fiskal di negara utama seperti China, Jerman dan Amerika Syarikat.

IMF turut menyatakan pandangan yang sedikit lebih optimistik terhadap ekonomi AS, iaitu ekonomi terbesar dunia.

Ia kini menjangkakan pertumbuhan ekonomi AS sebanyak 1.9 peratus pada 2025, meningkat 0.1 mata peratusan daripada unjuran April lepas. Peningkatan ini mencerminkan pengurangan tarif baru-baru ini, walaupun IMF memberi amaran yang permintaan domestik sedang merosot lebih cepat daripada yang dijangkakan.

Bagi 2026, IMF menjangka insentif cukai akan merangsang pelaburan korporat, justeru menaikkan unjuran pertumbuhan AS kepada dua peratus, meningkat 0.3 mata peratusan.

Tekanan inflasi kekal menjadi kebimbangan di AS. IMF memberi amaran yang tarif yang dikenakan oleh Presiden Donald Trump menyebabkan kos import meningkat, sekali gus menaikkan kos pengeluaran. Kos ini dijangka dipindahkan kepada pengguna, yang boleh mendorong inflasi lebih tinggi sehingga hujung tahun.

Sementara itu, pengurangan permintaan AS turut memberi kesan kepada negara pengeksport. Memandangkan syarikat berdepan lebihan inventori, IMF menjangka mereka akan menurunkan harga untuk melupuskan barangan, satu trend yang boleh menekan harga global ke bawah. - ©BERNAMA

Pemain tengah Sepanyol Teto Martin sertai JDT

JOHOR BAHRU, 30 Julai. - Kelab bola sepak Johor Darul Ta'zim (JDT) terus mengukuhkan pasukannya dengan mengumumkan kehadiran pemain tengah Sepanyol Alberto Martin Diaz, dalam persediaan menghadapi musim baharu.

Pemain berusia 23 tahun yang lebih dikenali sebagai Teto Martin itu diperkenalkan menerusi rakaman video yang dimuat naik di Facebook rasmi Johor Southern Tigers.

"Pemain tengah muda Sepanyol kami. Selamat datang ke Johor Darul Ta'zim FC, Teto!," menurut kelab itu menerusi hantaran lewat malam tadi.

Teto akan menyarung jersi nombor 20 bersama skuad Harimau Selatan.

Sebelum ini pemain muda itu bersama sebuah kelab Sepanyol, CD Tenerife selama 14 tahun dengan 98 penampilan rasmi dan menjaringkan enam gol. - ©BERNAMA

HAMPIR 120 GEMPA BUMI SUSULAN DICATAT DI KAMCHATKA, PERSEKUTUAN RUSIA DALAM SEHARI LEPAS



PETROPAVLOVSK-KAMCHATSKY (Persekutuan Rusia), 1 Ogos. - Kira-kira 120 gempa bumi susulan yang berlaku selepas gempa bumi kuat pada Rabu (30 Julai) direkodkan di Semenanjung Kamchatka, Timur Jauh Persekutuan Rusia dalam tempoh 24 jam lepas, lapor Agensi Berita Persekutuan Rusia (TASS). "Sepanjang 24 jam lepas, kira-kira 120 gempa susulan dengan magnitud antara 3.5 hingga

6.7 direkodkan. Di kawasan berpenduduk, sebahagiannya dirasakan sebagai gegaran dengan magnitud antara dua hingga lima," menurut jabatan wilayah Kementerian Kecemasan Persekutuan Rusia. Menurut ahli sains, aktiviti seismik di rantau itu kini semakin menurun, walaupun masih aktif. Proses gempa bumi susulan akibat gempa bumi bermagnitud 8.8 itu dijangka berterusan selama

beberapa bulan. Satu gempa bumi kuat melanda pesisir pantai Kamchatka pada pagi Rabu. Menurut pihak berkuasa, gempa itu berukuran 8.8 magnitud, menjadikannya yang terkuat melanda wilayah itu sejak 1952. Bencana itu mengakibatkan seorang cedera, menurut Kementerian Kesihatan wilayah. Keadaan berjaga-jaga diisytiharkan di Kamchatka,

manakala darurat diisytiharkan di Daerah Severo-Kurilsky di wilayah jiran, Sakhalin. Gempa bumi itu turut mencetuskan tsunami di Lautan Pasifik, yang menyebabkan pihak

berkuasa di Jepun, Amerika Syarikat dan Republik Filipina mengeluarkan amaran tsunami. - ©BERNAMA

Lebih 1.2 juta tiba di Arab Saudi untuk tunai umrah sejak musim baharu bermula

JEDDAH, 1 Ogos. - Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi mengumumkan lebih 1.2 juta jemaah telah memasuki negara itu untuk menunaikan umrah sejak permulaan musim pada 15 Zulhijah hingga akhir 30 Muharam, yang tiba dari 109 negara.

Menurut Agensi Berita Saudi (SPA), kementerian itu mencatatkan peningkatan 30 peratus dalam bilangan jemaah umrah yang memasuki negara itu dengan visa umrah berbanding tempoh sama tahun lepas.

Selain itu, terdapat peningkatan 27 peratus dalam jumlah visa umrah yang dikeluarkan, dan lebih 4,200 kontrak telah ditandatangani antara syarikat umrah dan ejen luar, sekali gus meningkatkan kesiapsiagaan operasi dalam menyambut kedatangan jemaah.

Kementerian itu sebelum ini telah mengumumkan permulaan musim umrah pada 14 Zulhijah 1446 Hijrah, dengan visa dikeluarkan melalui platform Nusuk, menandakan fasa baharu kemudahan untuk jemaah selaras dengan perjalanan pembangunan Arab Saudi di bawah Wawasan 2030.

Kementerian itu menyatakan bahawa permintaan yang semakin meningkat untuk umrah adalah susulan musim haji yang berjaya, yang dicirikan dengan pelaksanaan bersepadu, prosedur yang ditambah baik dan pembangunan infrastruktur teknikal.

Ia memaklumkan bahawa persiapan untuk musim baharu bermula lebih awal dengan penyelarasan bersama entiti berkaitan bagi memastikan proses yang lancar.

Kementerian itu juga telah memperluas kandungan kesedaran dan perkhidmatan digital dalam pelbagai bahasa, yang mencerminkan kepimpinan Kerajaan Arab Saudi dalam memberi perkhidmatan kepada pengunjung dua masjid suci dan memastikan tahap keselesaan, keselamatan dan kepuasan tertinggi untuk para jemaah. - ©BERNAMA

Jepun tarik balik semua amaran tsunami susulan gempa bumi di Rusia

TOKYO, 1 Ogos. - Agensi Meteorologi Jepun pada Khamis menarik balik amaran tsunami terakhir yang dikeluarkan susulan gempa bumi bermagnitud 8.8 yang melanda luar pantai Semenanjung Kamchatka, Rusia pada hari sebelumnya, lapor Agensi Berita Kyodo.

Agensi itu sebelum ini mengeluarkan amaran tsunami untuk kawasan dari Hokkaido di utara Jepun hingga ke Wilayah Wakayama di barat, namun amaran berkenaan diturunkan kepada nasihat berjaga-jaga pada Rabu malam. Tsunami terus sampai pantai, dengan beberapa lokasi mencatatkan ombak lebih besar pada Khamis.

Sebahagian amaran berjaga-jaga ditarik balik pada pagi Khamis, namun masih berkuat kuasa di kawasan pantai Pasifik di pulau utama utara Hokkaido dan timur laut Jepun.

Sekurang-kurangnya 10 lokasi merekodkan ombak lebih besar berbanding hari sebelumnya, termasuk Pelabuhan Tokachi di Hokkaido dan Oarai di Wilayah Ibaraki yang merekodkan ombak setinggi 70 sentimeter.

Ombak tsunami tertinggi yang dicatatkan selepas gempa ialah setinggi 1.3 meter di Pelabuhan Kuji, Wilayah Iwate pada petang Rabu.

Selepas amaran tsunami dikeluarkan, seorang wanita berusia 50-an di Wilayah Mie dilaporkan maut ketika cuba menyelamatkan diri, manakala 10 lagi cedera, menurut jurucakap utama kerajaan Jepun. Seramai 11 orang yang berpindah ke pusat perlindungan pula dikejarkan ke hospital selepas mengalami gejala akibat cuaca panas melampau.

Beberapa perkhidmatan kereta api masih terganggu, termasuk JR Hokkaido yang menggantung operasi sejak awal pagi di beberapa laluan, sementara ada penduduk Hokkaido bermalam di pusat pemindahan. - ©BERNAMA

AS batal pelancaran misi Crew-11 ke ISS akibat cuaca buruk

LOS ANGELES, 1 Ogos. - NASA dan SpaceX pada Khamis membatalkan pelancaran misi Crew-11 ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) disebabkan keadaan cuaca yang tidak mengizinkan, lapor Xinhua. Menurut siaran langsung SpaceX, kiraan detik pelancaran terpaksa dihentikan pada saat-saat

akhir ekoran awan tebal menyelubungi tapak pelancaran. Misi itu pada asalnya dijadual dilancarkan 12.09 tengah hari waktu timur Amerika Syarikat (1609 GMT) menggunakan roket SpaceX Falcon 9 dari Pusat Angkasa Kennedy NASA di Florida. NASA memaklumkan bahawa

tetingkap pelancaran seterusnya akan dibuka pada Jumaat. Misi Crew-11 akan membawa angkasawan NASA Zena Cardman dan Mike Fincke, angkasawan Agensi Penerokaan Aeroangkasa Jepun (JAXA) Kimiya Yui, serta angkasawan Roscosmos dari Persekutuan Rusia, Oleg Platonov ke ISS. - ©BERNAMA

Angka kematian akibat hujan monsun di negeri utara India melebihi 170 orang

ANKARA, 1 Ogos. - Angka kematian akibat hujan monsun dan insiden berkaitan di negeri Himachal, utara India tahun ini kini melebihi 170 orang, menurut satu kenyataan rasmi yang dikeluarkan pada Jumaat, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Pusat operasi kecemasan negeri itu memaklumkan, jumlah kematian kini mencecah 173 orang, dengan 281 orang cedera setakat ini. Seramai 36 orang dilaporkan masih hilang. Minggu ini, negeri itu sekali lagi dilanda hujan lebat yang

menyebabkan banjir kilat. Menurut kenyataan itu, daripada 173 kematian yang direkodkan, 78 berpunca daripada nahas jalan raya manakala 95 lagi akibat pelbagai insiden termasuk lemas, tanah runtuh dan banjir kilat. Musim hujan monsun di India kebiasaannya bermula pada Jun dan berakhir pada September. - ©BERNAMA

Konvoi bantuan di Gaza berdepan kelewatan walaupun laluan diisytihar 'selamat'

WASHINGTON, 1 Ogos. - Konvoi bantuan ke Gaza terus menghadapi pelbagai halangan dalam menyampaikan bantuan kepada mereka yang memerlukan, meskipun Israel memberi jaminan bahawa laluan tertentu telah diisytihar sebagai 'selamat', menurut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada Khamis, lapor Anadolu Ajansi. "Rakan-rakan kami melaporkan bahawa walaupun Israel mengumumkan laluan konvoi telah ditetapkan sebagai selamat, trak bantuan masih mengalami kelewatan yang lama dan mendedahkan pemandu, petugas

bantuan serta orang awam kepada bahaya," kata Timbalan Jurucakap PBB Farhan Haq kepada para wartawan. Menurut Haq, kelewatan itu berlaku kerana hanya satu laluan dibenarkan untuk pasukan PBB keluar dari pintu masuk Kerem Shalom ke dalam Gaza, dan tentera Israel menubuhkan satu 'pusat pemeriksaan sementara' di laluan itu. Haq berkata Pejabat PBB bagi Penyelarasan Hal Ehwat Kemanusiaan (OCHA) menggesa pihak berkuasa Israel supaya membenarkan kemasukan bantuan kemanusiaan dan bekalan

komersial dalam jumlah besar secara konsisten dan serentak melalui semua lintasan dan pelbagai laluan. "Bagi memastikan tiada sesiapa yang tercicir, bantuan mesti diagihkan hingga ke peringkat komuniti," katanya. Tentera Israel melancarkan serangan ke atas Gaza sejak akhir 2023, yang mengorbankan lebih 60,200 penduduk Palestin, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak. Serangan tanpa henti itu turut memusnahkan wilayah berkenaan dan menyebabkan kematian akibat kebuluran. - ©BERNAMA



KSSLT SERTAI FESTIVAL SUMPIT NUSANTARA DI BALIKPAPAN, INDONESIA



PARA wakil dari Kelab Sukan Sumpit Lun Tau (KSSLT) berlepas ke Balikpapan, Kalimantan, Republik Indonesia bagi menyertai Festival Sumpit Nusantara 2025 (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Julai. - Seramai sembilan orang mewakili Kelab Sukan Sumpit Lun Tau (KSSLT)

telah berlepas ke Balikpapan, Kalimantan, Republik Indonesia bagi menyertai Festival Sumpit Nusantara 2025.

Siaran Akhbar dan Foto : Kelab Sukan Sumpit Lun Tau

Festival ini berlangsung dari 1 hingga 2 Ogos 2025 di Plaza Seremoni, Kawasan Inti Pusat Pemerintahan Ibu Kota Nusantara Kalimantan Timur, Republik Indonesia.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi memberikan semangat dan sokongan kepada wakil kelab ialah Timbalan Pengerusi KSSLT, Dzulkifli bin Akim.

Rombongan yang diketuai oleh Pengerusi KSSLT, Awang Chin Haji turut disertai oleh Yakub bin Batong, Jumat bin Baru, Kamran bin Lepi, Batong bin Kading, Raya bin Agong, Alizanda bin Sitom, Sia binti Padin dan Mariam binti Agong.

Juga berada di LTAB bagi turut sama memberikan sokongan ialah ahli-ahli kelab serta ahli keluarga peserta.

Festival berkenaan merupakan platform tahunan yang menghimpunkan komuniti Dayak serta wakil dari negara jiran Sabah, Sarawak dan Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi mempersembahkan kemahiran, kreativiti dan nilai budaya dalam penggunaan peralatan sumpit.

KSSLT tampil dengan penuh semangat mewakili NBD dalam pelbagai segmen pertandingan yang telah disediakan oleh pihak penganjur.

Menurut Awang Chin Haji, "Penyertaan kelab dalam Festival Sumpit Nusantara adalah satu penghormatan besar bagi kami. Ia bukan saja memperkukuh hubungan serumpun antara NBD dan Republik Indonesia, malah membuka ruang untuk pertukaran budaya dan pengetahuan berkenaan seni sumpit. Selain itu,



ia juga bertujuan memberikan pendedahan di peringkat antarabangsa kepada para ahli di samping mengukur tahap prestasi mereka".

Penyertaan KSSLT dalam festival ini diharap akan menjadi titik tolak kepada lebih banyak kolaborasi rentas sempadan dalam memelihara dan mempromosikan warisan budaya serumpun.

PKT FT terlalu sukar buat Supastrikas

TUTONG, Jumaat, 1 Ogos. - PKT FT menyerlahkan kehebatannya setelah berjaya menewaskan Supastrikas dengan jaringan 4 - 0 sekali gus menjadi pencabar kedudukan pasukan - pasukan kelompok terbaik pada persaingan Kejohanan Bola Sepak Liga Jemputan bagi merebut Piala Lela Cheteria pada perlawanan yang

berlangsung di Kompleks Sukan Tutong, di sini.

Menurut Ketua Jurulatih PKT FT, Sapol Rizal Samail bahawa mereka tetap menghormati Supastrikas yang memberi saingan menarik namun beliau gembira menyaksikan pemain-pemain PKT FT yang bijak menggunakan ruang terbuka untuk menterjemahkan jaringan.

"Kemenangan ini juga membuktikan semua pemain menunaikan keazaman untuk menang pada baki-baki perlawanan ini," ujarnya lagi.

Namun dalam kerian merayakan kemenangan ke-6 ini, Sapol Rizal turut mengakui bahawa anak buahnya perlu memperbaiki beberapa lagi kekurangan untuk mengukuhkan lagi pasukan kerana cabaran lebih hebat bakal dihadapi pasukan perlawanan seterusnya.

Selepas mengejutkan Kasuka FC minggu lalu, PKT FT kembali tampil dengan aksi dengan corak permainan yang konsisten dengan serangan pantas terutama gerakan dari tepi untuk menguji kecekapan penjaga gol Supastrikas, Mohd. Aqil Waiz Mohd. Faiz.

Penyerang lincah, Bayu Eka Maulana yang sering dikawal ketat bagaimanapun bijak membuka tirai jaringan PKT FT menerusi sentuhan menarik dari tepi pada minit ke-7.

Tatkala sorakan gemuruh penyokong tegar PKT FT berpesta meraikan jaringan, Md. Faiz Farhan menambahkan lagi kegembiraan penyokongnya apabila rembatan kencang dari luar

kotak penalti berjaya menerjah masuk ke gawang Supastrikas seminit selepas itu.

Ketinggalan 0 - 2, Supastrikas tidak mudah mengalah malah mereka berjaya membuat pertahanan PKT FT beberapa kali cemas namun beberapa gerakan mereka 'kurang idea' untuk membolosi gawang pasukan lawan.

Bersambung pada babak kedua, PKT FT semakin garang terutama dengan kemasukan Atupele Naimu yang lebih banyak membuat gerakan solo untuk memperdayakan pertahanan

lawan.

Serangan bertalu arus PKT FT berjaya membuahkan hasil pada minit ke-67 menerusi Bayu Eka Maulana dan Atupele Naimu turut mencuri tumpuan hadirin apabila membantu kemenangan bergaya pasukan PKT FT menerusi sentuhan pada minit ke-79.

Supastrikas yang mencuba melakukan serangan dari semua sudut bagaimanapun terlalu sukar untuk membolosi gawang PKT FT sekalipun beberapa umpanan keemasan di depan gawang sehingga akur dengan kekalahan 0 - 4 kepada lawan.



AKSI para pemain pada perlawanan di antara PKT FT dengan Supastrikas pada persaingan Kejohanan Bola Sepak Liga Jemputan bagi merebut Piala Lela Cheteria.

Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League

Tahukah Awda

SALAH satu tempat menarik di Daerah Temburong ialah Taman Negara Ulu Temburong dengan keluasan 500 kilometer persegi diliputi oleh hutan hujan yang masih asli hampir keseluruhan bahagian iaitu selatan Daerah Temburong. Laluan kanopi sepanjang kira-kira 385 meter dan 250 meter tinggi membolehkan para pengunjung dapat menyaksikan panorama indah ekosistem hutan hujan dengan puncak pokok pelbagai ketinggian ketika melalui laluan kanopi.

SUMBER : information.gov.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

GENERASI MUDA ADALAH CERMINAN WAJAH NEGARA AKAN DATANG